

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara berterang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-sekali tidak akan rugi".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fathir, ayat 29.

TADARUS DI ISTANA NURUL IMAN BERAKHIR DENGAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi
Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac.
- Majlis Bertadarus Al-Quran yang diadakan sejak bermulanya bulan Ramadan di Istana Nurul Iman berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Seterusnya majlis disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang didahului oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan seterusnya diikuti dengan bacaan Takhtim termasuk Tahliil beramai-ramai.

>> Muka 2



MAJLIS Khatam Al-Quran dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama

REBUT ganjaran pahala, keberkatan di bulan Ramadan
Muka 3

KEMENTERIAN Kesihatan adakan Majlis Tahliil di Kubah Makam Diraja
Muka 13

3 kemener teratas di kalangan lelaki di Negara Brunei Darussalam dari tahun 2019 hingga 2023

AMALAN gaya hidup sihat, elak kanser kolorektal
Muka 19

INDUSTRI KOTEJ

'THE Dara' tudung Muslimah anak tempatan dapat sambutan
Muka 20

Orang beriman perlu menghindari sifat iri hati

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Iri hati atau mazhad dengki merupakan sifat mazmumah yang perlu dihindari. Allah Subhanahu Wata'ala telah melarang orang-orang yang beriman merasa iri hati terhadap kurniaan yang telah dilebihkan-Nya kepada sebahagian dari orang-orang beriman sama ada kurniaan itu berkaitan dengan perkara agama dan dunia.

Larangan iri hati itu tidak terbatas pada kurniaan yang terdapat pada orang lain, malahan Allah Subhanahu Wata'ala melarang hamba-hamba-Nya dari iri hati dalam urusan ganjaran pahala dan juga pembahagian harta pusaka.

Sesungguhnya setiap manusia baik laki-laki atau perempuan, akan dibalas mengikut apa yang mereka usahakan. Allah Subhanahu Wata'ala telah menetapkan bagi lelaki ada peranan khusus buat mereka seperti berperang, sembahyang Jumaat dan keluar mencari nafkah. Sedangkan golongan perempuan juga mendapat pahala yang khusus atas usaha mereka menjaga kehormatan dan mentaati suami.

>> Muka 15

Bruhaj percepatkan proses pendaftaran, mudahkan orang ramai

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Sistem pendaftaran haji secara dalam talian melalui aplikasi Bruhaj telah diperkenalkan bagi memudahkan rakyat dan penduduk mendaftar tanpa perlu hadir secara fizikal. Langkah ini adalah salah satu inisiatif positif ke arah pendigitalan pengurusan haji sejajar dengan keperluan mempercepatkan proses dan mengurangkan kebergantungan kepada kaedah tradisional.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat pada

Perbahasan Peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan dalam pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis menyambut baik usaha ini dan ingin mencadangkan bagi sistem ini boleh terus diperkukuhkan agar lebih komprehensif dan responsif kepada keperluan bakal jemaah.

>> Muka 5

Mempelbagaikan, mengukuhkan, mempromosi produk pelancongan NBD

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Dalam fokus mendukung kemajuan industri pelancongan melalui Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan, yang bertujuan meningkatkan ketibaan pelancong dengan mempromosi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi yang terkenal dengan ketenangan

dan keamanan di Asia Tenggara, kementerian akan terus menekankan usaha membangun, mempelbagaikan, mengukuhkan dan mempromosi produk pelancongan berteraskan *culture, nature, dan adventure*.

>> Muka 11

Tadarus di Istana Nurul Iman berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

>> Muka 1

Doa Khatam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Majlis diteruskan dengan Dikir Syarafil Anam oleh Yang Dimuliakan Begawan-begawan Pehin Khatib dan Yang Mulia Begawan-begawan Mudim yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato

Paduka Awang Haji Hamidon yang kemudiannya membaca Doa Dikir.

Bagi memohon keberkatan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan,

SUASANA Majlis Bertadarus Al-Quran yang diadakan di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman (kanan dan bawah).

Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulubalang, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pesuruhjaya Polis, Ahli-ahli Lembaga Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkihah dan Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap serta para jemputan.



WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASTIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	ISNIN	16	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32	7.40
18	SELASA	17	4.58	5.08	6.25	6.48	12.29	3.38	6.31	7.40
19	RABU	18	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40
20	KHAMIS	19	4.58	5.08	6.24	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40
21	JUMAAT	20	4.57	5.07	6.24	6.46	12.29	3.36	6.31	7.40
22	SABTU	21	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40
23	AHAD	22	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.34	6.31	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar 30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong 30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait 30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 17 MAC 2025

Dampingi Al-Quran, hidup damai sejahtera

BULAN suci Ramadan merupakan bulan yang penuh keistimewaan kerana bulan ini Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan Al-Quran sebagai petunjuk hidup bagi umat manusia melalui Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Peristiwa agung ini sangat istimewa dalam sejarah Islam dan Al-Quran diturunkan sebagai rahmat dan penawar, dijadikan sebagai pegangan serta panduan bagi seluruh umat manusia.

Bulan ini memberikan kesempatan bagi umat Islam untuk meningkatkan ibadah, memperbaiki diri dan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Selain berpuasa, bulan ini juga memberikan peluang untuk memperbanyak membaca Al-Quran, melaksanakan Sembahyang Sunat Tarawih, membayar Zakat Fitrah dan beramal kebajikan kepada masyarakat sekeliling.

Ramadan juga adalah bulan yang penuh dengan keberkatan dan membaca Al-Quran di bulan ini memiliki pahala yang berlipat ganda. Umat Islam dianjurkan untuk memperbanyak membaca, mendengarkan dan memahami Al-Quran sebagai sebahagian daripada ibadah mereka.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini menekankan bahawa sesungguhnya bulan Ramadan adalah kesempatan yang paling berharga bagi kita untuk memperbanyak membaca Al-Quran, sama ada secara bertadarus ataupun secara berseorangan lebih-lebih lagi sehingga berjaya khatam 30 Juz.

Khatib juga menggariskan bahawa orang-orang yang membaca Al-Quran dijanjikan ganjaran dan fadilat yang amat besar. Sepertimana dalam hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan mengenai kelebihan bagi orang-orang yang membaca Al-Quran antaranya ialah pembaca Al-Quran dinaungi dengan payung rahmat dikelilingi para malaikat dan diturunkan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya ketenangan dan kewaspadaan.

Sementara itu, pembaca Al-Quran juga dikurniakan hatinya dengan cahaya oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dipelihara daripada kegelapan dan juga tidak bergundah hati dan terlepas daripada kesusahan-kesusahan di hari kiamat kerana dia sentiasa dalam pemeliharaan dan penjagaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, marilah kita berazam untuk mendampingi Al-Quran bukan sahaja pada bulan Ramadan ini tetapi di bulan-bulan yang lain agar kita sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Jadikanlah membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian kita.

Dalam pada itu, isi masa lapang kita dengan aktiviti bermanfaat dan berkebajikan agar kita tidak mensia-siakan pahala puasa kita dan pada masa yang sama perbaiki amalan kita secara berterusan bukan sahaja di bulan Ramadan ini. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

REBUT GANJARAN PAHALA, KEBERKATAN DI BULAN RAMADAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu khas pada Majlis Penutup Tadarus (atas dan kiri).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Tadarus di bulan Ramadan Bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi berakhir dengan acara penutup hari ini.

Majlis Penutup Tadarus yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, di sini diungkuhkan oleh Jabatan Mufti

Kerajaan dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas pada majlis berkenaan, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan

penyampaian sumbangan wakaf berupa dua set mikrofon bagi kegunaan masjid yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Tadarus Al-Quran yang dimulakan oleh tetamu khas majlis.

Majlis turut diberkati dengan bacaan Tahlil dan Doa Selamat.

Majlis kemudian disusuli dengan berbuka puasa serta Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis-majlis keagamaan di bulan Ramadan seumpama berkenaan merupakan salah satu daripada aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

4 peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran perdengarkan bacaan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Seramai empat peserta bagi Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran Berserta Pemahaman Surah Al-Hujurat memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari terakhir Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446 Hijrah yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; wakil bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD); wakil Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD; dan wakil Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD serta Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Juga hadir, para pegawai kanan KHEU dan Kementerian Pertahanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Kampung Sungai Akar, Awang Muhammad

Tsuufiy bin Haji Abdul Wahab.

Pemangku Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan bahawa usaha berkebakikan seumpama ini adalah satu perkembangan positif yang patut diteruskan yang mana pihak Urus Setia Jawatankuasa telah berjaya mengumpulkan peserta-peserta daripada negara anggota MABIMS untuk menyertai musabaqah pada tahun ini.

Berucap selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446 Hijrah, beliau menambah, dengan adanya penyertaan dari negara-negara anggota MABIMS akan dapat mempererat lagi jalinan kerjasama di masa-masa akan datang.

Beliau seterusnya, menyatakan bahawa tujuan musabaqah diadakan adalah untuk membantu mencapai visi dan misi MABIMS iaitu menggerakkan proses pengembangan dan penyebaran Al-Quran serta pengajarannya di kalangan negara-negara anggota MABIMS.

Kemudian, acara diteruskan dengan Musabaqah bagi Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran Berserta Pemahaman Surah Al-Hujurat.

Objektif musabaqah antara lain adalah untuk mewujudkan



kerjasama negara-negara anggota MABIMS dengan Negara Brunei Darussalam dalam bidang pengajian dan penyebaran Al-Quran serta menggalakkan ummah untuk berkecimpung dalam bidang hafazan Al-Quran, seterusnya beramal dan menghayatinya dalam kehidupan seharian di samping mengeratkan hubungan integrasi negara-negara anggota MABIMS khususnya dalam bidang Al-Quran.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS merupakan salah satu projek Dwi Tahunan

ANTARA yang memperdengarkan bacaan pada hari terakhir Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446 Hijrah.

KHEU bertujuan menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam dan ia juga merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara.

Pengumuman keputusan musabaqah dan pengumuman hadiah-hadiah bagi para peserta

akan diadakan di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah iaitu pada Isnin malam Selasa, 17 Ramadan 1446H bersamaan 17 Mac 2025M, bermula 9.00 malam di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



USAHA BERTERUSAN MENINGKATKAN PRESTIJ QARI, QARIAH NEGARA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Ke-21, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman sangat mengalu-alukan dan menyambut baik soalan-soalan yang telah disenaraikan oleh Yang Di-Pertua MMN.

Antaranya berkaitan mengenai usaha meningkatkan prestij qari dan qariah negara dalam Musabaqah Tilawah Al-Quran melalui latihan yang lebih berstruktur, sistemik dan intensif bagi mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi serta cadangan penubuhan Akademi Teranum Al-Quran Brunei bagi menyediakan modul latihan dan kursus secara intensif bersama pakar, yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menjawab mengenai perkara itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan Akademi Al-Quran dikaitkan dengan satu pencapaian di peringkat antarabangsa dan peringkat serantau yang perlu diambil kira dalam KPI-KPI wawasan dan cadangan tersebut adalah sangat praktikal, namun ia sudah selari dengan apa yang sudah dibuat dan dirancang oleh Kementerian pada masa dahulu sekitar tahun 70-an melalui Jabatan Ugama atau daripada inisiatif para qari.

"Pada tahun 70-an itu, inisiatif daripada qari-qari sendiri menubuhkan Majlis Qura' penggalannya. Ertinya suatu Majlis Pembaca - pembaca Al-Quran dan dari sanalah lahir pembaca-pembaca yang awal itu, peringkat awal dan di sanalah jua telah berhasil, apa namanya itu, johan kitani peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur.

Jadi yang ini telah berkembang, kemudian apabila sudah ia

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

menjadi suatu perkara yang dilihat sangat berkesan dalam peningkatan ilmu Al-Quran, maka ditubuhkan oleh Jabatan Pengajian Islam namanya Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR)," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui bahagian syiar juga mengambil langkah-langkah sepertimana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman cadangkan tadi, iaitu mengambil kesempatan daripada qari-qari yang ternama di rantau ini untuk dijemput bagi membimbing qari-qari yang lain.

Ini jelas Yang Berhormat Menteri lagi, telah dilakukan



secara tidak ketara dengan mengadakan peraduan musabaqah, yang mana qari jemputan sama ada sebagai pembaca atau pun sebagai hakim, mereka ini juga diaturnya untuk membimbing qari-qari kitani dalam tilawah ini yang dinamakan taranum.

Di samping itu tambahnya lagi, usaha-usaha yang berterusan oleh Kementerian dalam perkara ini akan difikirkan dan berharap agar perkembangan daripada Majlis Qura' kepada STAR dan usaha-usaha mengenai bimbingan daripada pembaca-pembaca yang dijemput pada musim musabaqah atau dijemput dari semasa ke semasa serta cadangan untuk menubuhkan Akademi Tilawah Al-Quran itu akan dilihat lebih lanjut lagi menurut kesesuaiannya.

Perkara ini juga turut mendapat perhatian Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof yang menyatakan dalam memastikan penyebaran dakwah syiar Islam yang berkesan dengan memperkasa budaya dan amalan penghayatan beragama sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna ke arah kehidupan cemerlang duniawi dan ukhrawi selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berjaya menghasilkan jumlah bilangan huffaz-huffaz, penghafal Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

dari setahun ke setahun yang semakin bertambah, malahan ada daripada mereka ini telah mencapai ke tahap persada antarabangsa yang mengharumkan NBD.

Justeru dalam melaksanakan Program Tadabbur Al-Quran ini katanya, adalah disarankan agar dapat dikembangmajukan dan dimartabatkan serta dilaratkan sehingga diadakan ke Peringkat Diploma dan seterusnya ke Peringkat Ijazah di institusi-institusi pengajian tinggi yang bersesuaian di negara ini sehingga kita berjaya menghasilkan lebih ramai lagi pakar-pakar yang berkemahiran dalam jurusan ini dalam kalangan anak-anak tempatan.

Perlunya ada tanah perkuburan baharu di kawasan ramai penduduk

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Menyentuh mengenai tanah perkuburan, serta keperluan tanah perkuburan ini memang suatu perkara yang penting dan menjadi cabaran kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, ujar Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ketika menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan dalam pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Hal ini diutarakan berikutan ruang kawasan kubur yang sudah semakin penuh, sesak dan sudah tiada mempunyai ruang seperti di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pulaie dan Tanah

Perkuburan Islam Jame' 'Asr. Ke arah itu jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman adalah dicadangkan bagi tanah-tanah perkuburan Islam yang baharu, yang mudah dikunjungi, bersistemik dan teratur untuk dibuka.

"Kalau boleh dicadangkan supaya tanah perkuburan baharu ini dibuka di setiap kawasan yang ramai penduduk seperti Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan lain-lain kawasan yang difikirkan bersesuaian. Dalam pada itu, ada juga kawasan perkuburan perlu diperluaskan dan jalan akses kawasan perkuburan perlu diperbaiki. Kalau tidak menjadi masalah daripada segi hukum di samping air paip yang sudah tersedia ada, mungkin dibina tandas yang bersesuaian berhampiran kawasan perkuburan ini untuk kemudahan orang ramai," ujarnya lagi.

Perkara ini juga turut dipersetujui oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau yang mengetengahkan keperluan untuk menyediakan tapak baharu bagi tanah perkuburan adalah

penting bagi memastikan masyarakat mempunyai tempat yang sesuai untuk menguruskan jenazah mengikut adat dan keperluan di dalam agama Islam.

Memang tidak dapat dinafikan tambahnya, bahawa terdapat tanah-tanah perkuburan Islam telah disediakan, namun ia tidak mendapat sambutan kepada masyarakat. Ini mungkin disebabkan beberapa faktor yang perlu diteliti dan dikaji oleh pihak-pihak berkenaan.

Kaedah penswastaan jelas Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman, di dalam pengurusan tanah-tanah perkuburan boleh jadikan alternatif rancangan jangka sederhana dan panjang bagi tanah-tanah perkuburan baharu dengan mengambil kira kemudahan-kemudahan asas pengurusan jenazah dan teknologi terkini di dalam proses penyediaan data dan lot perkuburan sebagai usaha ke arah menggalakkan masyarakat memilih tapak-tapak perkuburan berkenaan.

Dalam pada itu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengulas, untuk mendapatkan kawasan memang mudah dapat dicari tetapi perlu

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

ada persetujuan masyarakat setempat untuk menerima apa yang dipilih oleh Kementerian sebagai suatu tempat yang boleh diterima untuk makluman bersama.

"Ada tempat-tempat seperti Temburong yang disebutkan namun tidak mendapat sambutan akan tetapi pemikiran untuk mendapatkan tanah perkuburan baharu, kawasan - kawasan baharu sangat penting namun bukan suatu yang baharu. Yang baharunya tadi ialah dicadangkan di kawasan-kawasan di mana ramai penduduk - penduduk yang antaranya ialah kawasan-kawasan RPN. Ini adalah suatu cadangan yang baik yang difikirkan. Dan contohnya pun sudah ada, antaranya ialah Tanah Perkuburan Baru Terunjing. Oleh kerana kawasan itu, kawasan yang sudah in da dapat menampung yang lama, maka kawasan baharu telah dibuka," ujar Yang Berhormat



Menteri Hal Ehwal Ugama.

Tetapi jelas Yang Berhormat Menteri lagi, bagi kawasan-kawasan seperti Pulaie, sukar sekali, walaupun pada masa ini sedang dalam perundingan untuk mendapatkan kawasan baharu bagi menggantikan kawasan lama yang nanti akan ditutup. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan mengenai tanah perkuburan ini tambahnya lagi, memanglah satu cadangan yang praktikal yang bakal menjadi cabaran bukan sahaja kepada Kementerian tetapi juga kepada masyarakat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BRUHAJ PERCEPATKAN PROSES PENDAFTARAN, MUDAHKAN ORANG RAMAI

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

merancang kewangan mereka secara lebih tersusun. Ini penting kerana kos haji merupakan satu perbelanjaan besar dan dengan adanya alat perancangan kewangan dalam sistem ini, bakal jemaah boleh menyesuaikan tabungan mereka dengan lebih efektif berdasarkan anggaran perbelanjaan yang dikemas kini.

Seterusnya, sistem ini juga boleh dimanfaatkan sebagai platform bimbingan haji secara dalam talian. Di mana bakal jemaah boleh mengakses panduan interaktif sebelum menghadiri sesi bimbingan fizikal. Pendekatan ini bukan saja meningkatkan pemahaman bakal jemaah tetapi juga membolehkan mereka menerima bimbingan secara lebih fleksibel. Terutama bagi mereka yang mempunyai kekangan masa atau tinggal di kawasan yang jauh dari Pusat Bimbingan Haji.

Mengulas mengenai perkara itu, Menteri Hal Ehwal Ugama,

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyambut baik sambutan daripada orang ramai, kerana ketika Bruhaj dibuka, sebanyak lebih 6 ribu pendaftar termasuk 700 lebih, atau hampir 200 ialah kanak-kanak di bawah umur, iaitu di bawah akil baligh dan ada yang di bawah umur 5 tahun pun turut didaftarkan oleh ibu bapa mereka.

Yang Berhormat juga menyokong cadangan yang telah disebutkan tadi dan akan melihat sejauh mana kesesuaiannya.

Walau bagaimanapun katanya, masuk kepada sistem digital dan sebagainya maka perkara pertama ialah keperluan untuk mengikuti perkembangannya dan yang kedua, menyediakan diri untuk ikut dalam perkembangan tersebut dan tidak akan ketinggalan.

"Jadi hal-hal macam *anilah* yang menjadi cabaran bersama bukan saja Kementerian Hal Ehwal Ugama, juga daripada segi *human resources* bahkan juga di dalam semua bidang, hatta dalam bidang swasta pun macam *atulah* jua," ujar Yang Berhormat Menteri.

Dalam hal itu jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Bruhaj ini juga akan dikembangkan dengan baik, namun terdapat aturan-aturan

yang dicadangkan seperti mereka yang mendaftar perlu membuka akaun. Akan tetapi yang sebetulnya memang setiap pendaftaran sebelum Bruhaj pun, pendaftaran seseorang itu perlu membuka akaun persiapan untuk naik haji.

Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa pendaftaran-pendaftaran yang terakhir pada masa ini, sehingga kepada pendaftaran yang lepas, tahun 1444 Hijrah maka jemaah yang mendaftar pada masa itulah yang akan naik haji pada 2046, jadi ditambah lagi sebanyak enam ribu dalam Bruhaj maka tambahan sedemikian semakin panjang.

"Walau bagaimanapun, ada kaedah-kaedah bahawa angka menunggu ani bukan statistik, ia boleh berundur bukannya ke hadapan, ia akan berundur ke belakang, sebagai contoh, pendaftaran untuk naik haji tahun ini, yang sudah berdaftar orang yang sudah dipilih sebanyak 1000 orang untuk naik haji pada tahun ini, namun hampir separuh

yang menyatakan tidak sanggup dengan alasan-alasan tertentu. Jadi dengan sendirinya separuh *atu* akan bertolak kepada orang yang seterusnya.

Kitani indalah mendoakan supaya trend *ani* berterusan, *kitani* mendoakan sebaliknya, tapi *atulah* kedudukannya tambahan lagi jika pada saat-saat akhir, ada orang yang tidak lulus kesihatannya, maka akan ditawarkan kepada orang yang menunggu sepenuhnya, namun jika orang-orang yang menunggu ini pun tidak sanggup mungkin kerana serta-merta atau misalnya persiapan kewangan, maka pada saat-saat akhir sedemikian itu ditawarkanlah kepada orang-orang yang kira-kiranya dapat memenuhi jangka waktu yang sebaik-baiknya itu," terang Yang Berhormat lagi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

>> Muka 1

Sebagai contoh katanya, aplikasi Bruhaj boleh menyediakan kemas kini giliran secara automatik dengan anggaran tahun keberangkatan yang lebih jelas termasuk notifikasi jika terdapat perubahan dalam sistem penggiliran. Ia akan memberi lebih kepastian kepada bakal jemaah dan memudahkan mereka dalam merancang perjalanan dan persiapan mereka lebih awal.

Selain itu, sistem Bruhaj juga boleh dilengkapi dengan kalkulator perbelanjaan dan anggaran simpanan bulanan bagi membantu bakal jemaah

Pelbagai program celik kewangan giat dilaksanakan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyambut baik mengenai cadangan melaksanakan Program Literasi Kewangan khusus bagi belia yang bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan kecekapan pengurusan kewangan jangka panjang. Ini adalah sejajar dengan matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, iaitu menjana Belia Berwawasan, yang holistik daripada semua aspek yang mana perkara ini memang dalam perancangan kementerian melalui Jabatan Belia dan Sukan, bagi memperkasa persatuan-persatuan dan pergerakan belia

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

dalam kemahiran pengurusan kewangan dan urus tadbir (*governance*).

Sebagai tambahan, pihak Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK) yang mana KKBS merupakan ahli dalam majlis berkenaan difahamkan memang giat melaksanakan beberapa program yang menjurus kepada peningkatan celik kewangan, termasuk kesedaran mengenai penipuan kewangan di Negara Brunei Darussalam, seperti jerayawara kesedaran kewangan



dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad ketika menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee berkaitan dengan

memperkenalkan Program Literasi Kewangan yang merangkumi perancangan kewangan, risiko penipuan kewangan dan pendidikan pelaburan dan juga memperkenalkan bengkel khas berkaitan pengurusan kewangan, bagi melengkapkan belia dengan kemahiran belanjawan dan perancangan strategik untuk organisasi yang dikemukakan semasa Jawatankuasa Bersidang Di Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN pagi tadi.

Menjawab pada persoalan berkenaan, Yang Berhormat iuga turut mengongsikan yang mana di bawah MKCK, tiga *pillars* bagi penggal 2018-2022 telah berjaya dilaksanakan mengikut KPI yang telah ditetapkan, yang mana, di bawah Pillar 1: Penghasilan dan pelancaran Brunei Darussalam Financial Literacy Competency Framework bagi peringkat rendah

(Primary) yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 dan bagi peringkat menengah (Secondary) dan Pra-Universiti pada tahun 2023.

Dalam hubungan ini, ujar Yang Berhormat, kementerian juga mengalu-alukan kerjasama daripada Majlis Belia Brunei atau mana-mana persatuan atau Pergerakan Belia untuk tampil ke hadapan bagi bekerjasama dengan kementerian ini dan pihak MKCK ke arah mengikuti serta memanfaatkan program-program yang sedia ada.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENAIKTARAFAN PRASARANA SUKAN DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Mengenai pengurusan kompleks sukan yang progresif dan terancang bagi menyumbang kepada gaya hidup sihat, pembangunan belia dan kesejahteraan komuniti secara keseluruhan, mengambil maklum dan mengambil baik akan pandangan Yang Berhormat Yang Berhormat dan ini setentunya seiring dengan dasar dan strategi kementerian di bawah Strategi Pembangunan dan Pengurusan Prasarana Sukan sepertimana yang diterangkan semasa menjawab soalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat pada 4 Mac 2025.

Secara dasarnya, penambahbaikan dan penaiktarafan prasarana sukan dilaksanakan secara berfasa dan berperingkat, mengikut keutamaan, pulangan pelaburan jangka panjang, *viability*, keselamatan serta peruntukan yang terancang dan berhemah.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad ketika menjawab soalan yang dikemukakan semasa Jawatankuasa Bersidang Di Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, terdapat sejumlah 37 kompleks dan fasiliti sukan yang telah disediakan di seluruh negara. Sebahagian besar daripada kompleks ini telah beroperasi sejak tahun 1999 dan sudah setentunya memerlukan penyelenggaraan berterusan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna.

Dengan peruntukan sebanyak BND4 juta, ujar Yang Berhormat, keutamaan diberikan kepada aspek penyelenggaraan kritikal

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

seperti struktur bangunan, sistem pencahayaan, sistem pengudaraan dan kemudahan asas termasuk bilik persalinan dan tandas, namun, perlu ditekankan bahawa jumlah ini bukan hanya diperuntukkan untuk kompleks sukan, tetapi juga merangkumi untuk pemeliharaan aset-aset lain di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) seperti ibu pejabat, pusat perubatan dan penyelidikan sains sukan, Pusat-pusat Belia, serta Pejabat Cawangan JBS di daerah-daerah.

Yang Berhormat juga menjelaskan Jabatan Belia dan Sukan telah menyusun senarai projek pembaikan dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

penaiktarafan secara strategik mengikut keperluan dan keutamaan di setiap daerah. Antara inisiatif yang sedang diteroka termasuk penggunaan tenaga solar untuk menjimatkan kos operasi dan pembinaan atap gelanggang luar bagi memastikan fasiliti lebih mesra pengguna dan boleh digunakan dalam pelbagai keadaan cuaca, dan juga bersetuju bahawa pengurusan kompleks sukan tidak hanya bergantung pada penyelenggaraan rutin sahaja tetapi juga perlu bersifat progresif, lestari, dan inklusif.

"Untuk memastikan pembangunan fasiliti sukan yang lebih mampan dan menyeluruh, KKBS mengalu-alukan pendekatan senegara (Whole of Nation Approach) dengan melibatkan pelbagai pihak, termasuk sektor swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), sebagai rakan strategik melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta meneroka inisiatif Kerjasama



Awam dan Swasta (PPP) bagi menaik taraf dan membangunkan prasarana sukan yang memenuhi standard antarabangsa.

Justeru itu, kementerian kaola sedang meneroka kompleks-kompleks sukan yang berpotensi untuk dibukakan tawaran bagi projek penswastaan kepada pihak swasta atau organisasi tertentu bagi tujuan aktiviti sukan, kejohanan serta program pembangunan sukan yang lebih sistematis," berkata Yang Berhormat.

Kebajikan mangsa bencana akan terus dipedulikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berperanan untuk memeduli hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan mangsa dalam pengurusan bencana yang terjejas akibat bencana, dengan memastikan bantuan segera dan tempat perlindungan dapat disediakan. Ini dicapai melalui tiga jenis bantuan iaitu Kewangan, Pusat Penempatan Sementara dan Penyediaan dan penghantaran catuan makanan. Bantuan-bantuan ini dihulurkan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengikut kriteria dan syarat yang ditetapkan

dalam penilaian bantuan bencana.

Ini dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat semasa Jawatankuasa Bersidang Di Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN.

Jelas Yang Berhormat Menteri berkata khusus bagi bantuan bencana banjir, garis panduan JAPEM menetapkan bantuan kewangan berjumlah BND500 yang hanya akan diberikan jika bahagian induk rumah, dapur, dan bahagian yang tetap didiami terjejas iaitu rumah ditenggelami air pada paras 1 kaki atau lebih di dalam rumah (Nota : Satu (1) kaki = 0.3 meter).

Ujar Yang Berhormat lagi, kementerian melalui prosedur kerja JAPEM memang melaksanakan *on-site observation* atau lawatan kerja ke tempat-tempat yang terjejas untuk menilai keadaan situasi sebenar

bagi memastikan intervensi yang bersesuaian dan bertepatan dan juga berdasarkan laporan daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan agensi-agensi lain yang terlibat.

Walau bagaimanapun, ungkap Yang Berhormat, menjelaskan bantuan ini hanya bertujuan untuk meringankan beban mangsa-mangsa kejadian bencana dan bukan untuk menggantikan kerosakan rumah atau harta benda yang terjejas akibat kejadian tersebut. Sehubungan itu, pemilik rumah adalah sentiasa disarankan dan digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans.

"Sepertimana juga insurans kenderaan dapat memberikan perlindungan kewangan sekiranya berlaku kemalangan,

apatah lagi insurans rumah kerana ia dapat memberikan perlindungan terhadap kerugian harta benda atau kewangan akibat kejadian yang tidak dijangka.

Walau bagaimanapun, insyaaAllah, dasar-dasar bantuan dan syarat-syarat penilaian bantuan bencana akan *direview* mengikut kesesuaiannya dan penelitian ini akan diusahakan dengan konsultasi bersama pihak-pihak yang berkepentingan khususnya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti Jabatan Daerah, dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, bagi memastikan intervensi-intervensi bantuan bagi mangsa bencana alam seperti banjir dapat dilaksanakan dengan berkesan," tambah Yang Berhormat.



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan persidangan.

"SEPERTIMANA juga insurans kenderaan dapat memberikan perlindungan kewangan sekiranya berlaku kemalangan, *apatah* lagi insurans rumah kerana ia dapat memberikan perlindungan terhadap kerugian harta benda atau kewangan akibat kejadian yang tidak dijangka".

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KE ARAH MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN AKADEMI SENI BUDAYA BRUNEI



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke-12 telah meluluskan peruntukan sebanyak BND31.75 juta bagi menjadikan Bangunan Bekas Radio Televisyen Brunei dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di Bandar Seri Begawan menjadi Hab Industri Kreatif dan Budaya (CCI), termasuk pembangunan Akademi Seni Budaya Brunei. Sejak sesi mesyuarat yang lepas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menjalankan pelbagai usaha bagi merealisasikan akademi ini, termasuk penyediaan buku kurikulum Akademik Seni Budaya Brunei sebagai rujukan utama dalam melestari seni budaya Brunei.

Ini dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis MMN pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat Menteri, satu kajian dasar telah dilaksanakan pada tahun lepas yang menilai kesan industri kebudayaan dan kreatif di Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu strategi mempelbagaikan ekonomi negara dan sehingga kini, beberapa langkah

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

pelaksanaan telah dijalankan bagi memastikan hab dan akademi seni budaya ini dapat direalisasikan. Antaranya satu mesyuarat *kick off* projek telah diadakan, diikuti dengan sesi taklimat teknikal, kajian reka bentuk dan penyediaan keperluan infrastruktur hab industri kebudayaan dan kreatif termasuk akademi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Memastikan warisan sejarah terus dilestarikan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

kriteria nilai sejarah, seni bina, budaya, pembelajaran dan potensi ekonomi. Setakat ini, sebanyak 104 monumen dan tapak bersejarah telah disenaraikan, dengan pecahan 68 di Daerah Brunei dan Muara, 11 di Daerah Tutong, 20 di Daerah Belait dan 5 di Daerah Temburong. Langkah ini bertujuan untuk memastikan warisan sejarah terus dilestarikan dan diwariskan kepada generasi akan datang. Bagi memartabatkan nilai

BAGI memartabatkan nilai sejarah jeti lama di Kampung Kuala Tutong dan Kampung Danau, kerajaan sedang merancang usaha pemuliharaan dengan kerjasama Jabatan Muzium-muzium dan Jabatan Kerja Raya. Jeti ini memainkan peranan penting sebagai laluan utama sebelum wujudnya jalan raya yang menghubungkan pekan-pekan utama pada tahun 1930-an hingga 1950-an.

sejarah jeti lama di Kampung Kuala Tutong dan Kampung Danau, kerajaan sedang merancang usaha pemuliharaan dengan kerjasama Jabatan Muzium-muzium dan Jabatan Kerja Raya. Jeti ini memainkan peranan penting sebagai laluan utama sebelum wujudnya jalan raya yang menghubungkan

pekan-pekan utama pada tahun 1930-an hingga 1950-an. Antara cadangan pemuliharaan termasuk pembinaan papan tanda sejarah, penyediaan papan tanda keselamatan serta kerja-kerja baik pulih struktur jeti yang kini dalam keadaan usang dan tidak selamat digunakan. Langkah ini diharap

akan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan sejarah dan memberi manfaat kepada sektor pelancongan budaya di kawasan tersebut.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad berkata demikian ketika menjawab cadangan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN pagi tadi.

Jelas Yang Berhormat Menteri lagi, dalam langkah seterusnya, kerajaan juga berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO bagi tapak-tapak warisan negara. Sehingga kini, Masjid Omar 'Ali Saifuddin (MOAS) telah dimasukkan dalam Senarai Tentatif ICESCO sebagai persiapan awal sebelum pencalonan ke UNESCO. Dengan pengiktirafan ini, Negara Brunei Darussalam akan mendapat manfaat daripada segi peningkatan daya tarikan pelancongan warisan, pemuliharaan lebih sistematik, serta peluang untuk bekerjasama dengan pakar warisan antarabangsa dalam memastikan tapak bersejarah terus terpelihara.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERKASA EKOSISTEM HALAL BRUNEI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

konteks ini, kesediaan peruntukan yang mencukupi adalah penting bagi memastikan pematuhan halal di setiap peringkat pengeluaran makanan bukan hanya dalam produk akhir.

"Berdasarkan Kod 005/000 Pemeliharaan Promosi Akal, yang diperuntukkan untuk sektor Pendidikan Ugama termasuk Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah. Dalam hal ini, kaola melihat potensi besar untuk institusi-institusi ini memainkan peranan lebih aktif dalam penyelidikan halal. Teknologi halal dalam pertanian dan pemprosesan makanan adalah

bidang yang semakin berkembang merangkumi kajian proses penyembelihan yang lebih efisien, pembangunan alternatif bahan halal dan pemprosesan makanan serta pembangunan teknologi halal yang dapat meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran antarabangsa."

"Kaola berpandangan bahawa usaha memperkasa ekosistem halal Brunei boleh diperkukuh dengan manfaat dana secara lebih fokus kepada perkembangan Industri Halal terutama dalam sektor pertanian dan pemprosesan makanan," saran Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck semasa membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyambut baik saranan Yang Berhormat Awang Lau How Teck memandangkan latar belakang Yang Berhormat sebagai pengusaha yang turut menumpukan dalam mengangkat taraf Sijil Halal ke peringkat antarabangsa.

Menurut Yang Berhormat, pensijilan halal itu bukan saja

menumpukan pada pensijilan halal sahaja tetapi pentauliahan mahupun pengiktirafan turut menyumbang kepada perkembangan ekosistem justeru penglibatan semua pihak amat penting dalam usaha-usaha melahirkan, mewujudkan produk-produk halal.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Sektor pensijilan halal bukan saja melibatkan pemantauan makanan yang dipasarkan tetapi juga keseluruhan rantaian bekalan daripada ladang ke produk akhir. Jika kita lihat pada skop yang lebih luas, sektor pertanian, penternakan dan pemprosesan makanan adalah asas utama bagi Industri Halal Brunei. Dalam

Pelbagai program intervensi dilaksanakan bagi pembasmian kemiskinan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Data yang tersedia di Jabatan Pembangunan Masyarakat adalah jumlah dan juga peratus penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) yang tidak lagi layak untuk menerima BKB kerana terkeluar daripada syarat kelayakan seperti mempunyai pendapatan bulanan melebihi kadar Kos Minima Keperluan Asas (KMKA).

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad berkata demikian ketika menjawab persoalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang

Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau atas persoalan mengenai penerima bantuan keluar daripada program bantuan kebajikan.

Yang Berhormat juga seterusnya mengongsikan bahawa pada tahun 2024, seramai 180 penerima BKB daripada 2,441, iaitu 7.4 peratus telah keluar daripada program bantuan di mana secara keseluruhan, jumlah penerima Bantuan Kebajikan Bulanan menunjukkan trend penurunan dari tahun 2021 hingga 2023, di mana angka penerima menurun daripada 3,838 orang pada 2021 kepada 2,161 orang pada tahun 2023.

Antara faktor penurunan ini, terang Yang Berhormat, adalah keberkesanan program-program intervensi yang telah terangkan melalui kenyataan Menteri sebelum ini yang menggariskan Pelaksanaan dan Perancangan Strategik Pembasmian Kemiskinan, seperti Program Keusahawanan dan Pekerjaan, Program Latihan Kemahiran dan Meningkatkan Kebolehpasaran, termasuk juga program-program bantuan pendidikan khususnya bagi anak-anak penerima bantuan secara terperinci.

Tambah Yang Berhormat pula, berkaitan dengan penglibatan pihak swasta dalam Strategi Pembasmian Kemiskinan, kementerian ini akan terus bekerjasama dengan lebih erat

dengan pihak swasta : Pertama, Pengukuhan Program Latihan Kemahiran - untuk menyediakan latihan kemahiran yang relevan dengan permintaan industri, bagi meningkatkan kebolehpasaran penerima bantuan.

Kedua, Peningkatan Peluang Pekerjaan - untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi golongan yang memerlukan bantuan, khususnya dalam sektor yang berkembang seperti teknologi dan perkhidmatan.

Ketiga, Sokongan Keusahawanan - memperkukuh kerjasama dengan sektor swasta untuk menyediakan sumber dan platform bagi penerima bantuan untuk menceburi bidang keusahawanan, seperti penyediaan modal permulaan, latihan pengurusan perniagaan, dan rangkaian pemasaran.

Keempat, Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan - bekerjasama dengan institusi kewangan dan bank swasta untuk menyediakan akses yang lebih mudah kepada pembiayaan bagi penerima bantuan yang ingin memulakan perniagaan atau mengembangkan kemahiran.

"InsyaaAllah kerjasama ini akan memastikan lebih banyak peluang disediakan bagi penerima bantuan untuk berdikari, meningkatkan kualiti hidup mereka, dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kebajikan. Pihak kerajaan akan terus memperkukuh peranan pihak swasta dalam memastikan keberkesanan dan kelestarian program-program ini," jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KEDUA, Peningkatan Peluang Pekerjaan - untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi golongan yang memerlukan bantuan, khususnya dalam sektor yang berkembang seperti teknologi dan perkhidmatan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menjawab cadangan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin Bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN pagi tadi yang mana menjelaskan Jabatan Muzium-muzium kini memberi keutamaan kepada projek yang sedang dilaksanakan yang mana cadangan untuk menyediakan galeri sebagai wadah mengetengahkan warisan



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PROPAZ BANTU ASNAF MENDAPATKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Aminol Adi Azraie Pg Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. – Pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman menekankan bahawa PROPAZ merupakan salah satu usaha untuk mengusahakan asnaf mendapat kemahiran-kemahiran tertentu bagi mereka terlepas daripada kepompong kemiskinan dan *atu* diusahakan.

"Dan setakat yang ada peratus kejayaannya indalah sampai 50 peratus daripada yang mengikutinya *atu* berterusan dan

kemudian setelah ia lulus selesai daripada latihan-latihannya *atu* tapi mereka jua *inda* sampai kadar yang diharapkan untuk benar-benar berjaya dalam bidang peningkatan keupayaan asnaf zakat *ani*," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menjawab persoalan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai usaha kementerian memastikan pihak program PROPAZ ditingkatkan untuk mencapai matlamat membantu memperkasa asnaf zakat agar berdikari dan keluar daripada kemiskinan.

Jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terutama sekali Bahagian Zakat melalui Majlis Ugama Islam Brunei tidak terhenti setakat itu saja, malah yang terakhir adalah usaha bersama sebagai contoh mualaf-mualaf di Pusat Da'wah Islamiah dengan kolaborasi bersama Bank Islam

Brunei Darussalam berjaya melahirkan pengusaha-pengusaha yang terbimbing.

"Yang pada mulanya mereka setakat membuat, menjual *inda tantu* berapa pendapatan berapa modal, asal saja ia ada kegiatan. Tapi sekarang *ani* dengan campur tangan bank, campur tangan pihak yang berkenaan membimbing sama-sama, maka mereka itu mempunyai pendapatan yang baik *jualah*. Walau bagaimanapun, mereka belum sepenuhnya terlepas daripada asnaf.

"Tapi yang terakhir lagi yang sekarang sedang berjalan ialah latihan di pusat latihan sendiri

untuk usahawan dalam bidang-bidang yang terutama sekali dalam bidang kulineri atau katering atau sebagainya.

"Dengan perbelanjaan bank mengubah suai bangunan kantin di KHEU untuk dijadikan pusat kulineri dan mudah-mudahan perkara *ani* akan berjalan insyaaAllah dengan sebaik baiknya," terang Yang Berhormat lagi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

"YANG pada mulanya mereka setakat membuat, menjual *inda tantu* berapa pendapatan berapa modal, asal saja ia ada kegiatan. Tapi sekarang *ani* dengan campur tangan bank, campur tangan pihak yang berkenaan membimbing sama-sama, maka mereka itu mempunyai pendapatan yang baik *jualah*. Walau bagaimanapun, mereka belum sepenuhnya terlepas daripada asnaf".

Kerjasama sektor kerajaan, swasta dalam memajukan industri makanan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Bagi memajukan industri makanan, iaitu sektor pertanian, perikanan dan agrimakanan di negara ini, pendekatan Whole of Government Approach dan Whole of Nation Approach diperlukan. Ini melibatkan kerjasama yang erat antara sektor kerajaan dan sektor swasta.

Aspek-aspek ini turut dimuatkan dalam Food Industry Roadmap, yang berfungsi sebagai panduan strategik dalam memacu pertumbuhan serta meningkatkan hasil sektor makanan, khususnya melalui pengeluaran dan produktiviti dalam industri primer serta pemrosesan dan tambah nilai.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Yang Berhormat mengenai dengan 'Komitmen Berterusan Dalam Memajukan Sektor Makanan dan Pelancongan' yang menyentuh dua aspek utama iaitu, strategi ke arah memajukan

industri makanan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara serta usaha dan inisiatif dalam mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini, pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat semasa mengongsikan kenyataan bagi menjawab sebahagian daripada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat MMN Yang Dilantik turut menjelaskan dalam merangka hala tuju pembangunan industri makanan dan mengukuhkan *food security*, kementerian ini telah mengenal pasti enam komoditi utama, iaitu beras, ayam, telur ayam, daging, sayur-sayuran dan ikan.

Peningkatan pengeluarannya kata Yang Berhormat, diharapkan dapat memperkukuh sara diri makanan negara, mengurangkan kebergantungan import, menstabilkan harga, memastikan bekalan mencukupi walaupun

dalam krisis global, serta merangsang pertumbuhan industri pertanian dan perikanan tempatan yang menyumbang secara signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Seterusnya, Yang Berhormat juga mengongsikan mengenai pencapaian sara diri bagi enam komoditi tersebut dari keluaran industri pertanian dan perikanan yang secara purata bagi tiga tahun kebelakangan (2022-2024) ini, iaitu bagi sektor padi (beras), negara telah mencapai lapan peratus sara diri, bagi telur ayam adalah 103 peratus, bagi daging ayam adalah 100 peratus, bagi daging lembu dan kerbau dan lembu sekitar 2.3 peratus, bagi sayur tropika sekitar 72 peratus dan bagi ikan adalah sekitar 74 peratus.

Selanjutnya, Yang Berhormat menjelaskan purata keluaran sektor makanan, merangkumi pertanian dan perikanan, meningkat sekitar 41 peratus dalam tiga tahun kebelakangan, dari BND525 juta pada 2017 kepada BND742 juta setahun pada masa kini.

Bagi tanggapan bahawa tahap sara diri padi (beras) tidak berkembang, Yang Berhormat menjelaskan bahawa ia

sebenarnya telah meningkat dari 4.8 peratus pada 2017 kepada purata lapan peratus bagi 2022-2024. InsyaaAllah, dengan komitmen kementerian, pengusaha, dan peladang, sasaran 12 peratus dapat dicapai dalam masa beberapa tahun yang akan datang.

Yang Berhormat juga turut berkata kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan melaksanakan tiga inisiatif utama dalam meningkatkan pengeluaran padi negara bagi mencapai sasaran tersebut:

"Pertama, menggalakkan penggunaan varieti padi hibrid berprestasi tinggi seperti padi hibrid Sembada 188 dan padi Yuan 158 yang boleh mencapai penghasilan lima hingga tujuh metrik tan sehektar semusim.

"Kedua, menjalankan penyelidikan dan percubaan bagi kesesuaian varieti-varieti padi baharu di kawasan perairan dan juga kawasan yang tidak perairan.

"Ketiga, meningkatkan kesuburan tanah melalui pertanian regeneratif di samping memastikan pemeliharaan alam sekitar yang mampan dengan penggunaan baja kompos," jelas Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat seterusnya berkata dalam usaha memperkukuh tahap *food security* negara, kementerian berdepan cabaran besar seperti tanah yang *acidic* dan terhad, perubahan cuaca yang sukar diramal, ancaman penyakit, serta cabaran dalam rantaian nilai ekosistem sektor makanan.

Justeru itu, Yang Berhormat menjelaskan pencapaian tahap sara diri tidak boleh direalisasikan secara serta merta, sebaliknya memerlukan pendekatan strategik dan berterusan untuk menangani faktor-faktor ini secara sistematik dan mampan.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BEBERAPA PROGRAM DILAKSANAKAN FOKUS KEPADA PENGLIBATAN BELIA

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Mengenai usaha kementerian menarik penglibatan belia dalam sektor pertanian dan perikanan, kementerian telah melaksanakan beberapa program yang memfokuskan kepada penglibatan belia dalam bidang pertanian dan perikanan.

Program-program yang telah dilaksanakan termasuklah

pertama, Program Pendedahan Belia yang berpotensi untuk menceburi bidang pertanian berteknologi, sebanyak sembilan siri program telah dilaksanakan yang melibatkan secara keseluruhan seramai 166 orang belia; kedua, Program Projek Rintis yang berbentuk percubaan dan berskala kecil, seramai 44 pengusaha belia telah ditawarkan tapak terlibat dalam perusahaan pertanian dan lima pengusaha belia terlibat dalam perusahaan perikanan; dan ketiga, Program Penambahan Kawasan yang berbentuk penawaran tapak tambahan kepada peladang-peladang yang berjaya mengusahakan sepenuhnya tapak yang telah ditawarkan. Setakat ini, sejumlah 16 orang belia dari projek rintis telah ditawarkan tapak tambahan dalam industri pertanian dan seorang belia dalam industri perikanan.

Keempat, Program Belia Berpadi iaitu program anjuran bersama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, untuk menggalakkan penglibatan belia dalam perusahaan penanaman padi. Pada masa ini, seramai lima

orang belia yang aktif berpadi di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan dengan tapak seluas 10 hektar, manakala seorang belia yang aktif berpadi di Kawasan Kemajuan Pertanian Bebuloh dengan tapak seluas lima hektar.

Kelima, Projek Agri Belia, iaitu inisiatif baharu dengan kerjasama kementerian, institusi kewangan tempatan, dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), bertujuan memberi peluang kepada peladang muda untuk memulakan serta memastikan ketahanan perusahaan mereka melalui sokongan kewangan. Program ini dijangka dilancarkan pada pertengahan tahun ini.

Perkara-perkara ini dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Yang Berhormat mengenai dengan 'Komitmen Berterusan Dalam Memajukan Sektor Makanan dan Pelancongan' yang menyentuh dua aspek utama iaitu, strategi ke arah memajukan industri makanan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara serta usaha dan inisiatif dalam mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini, pada hari ke-12 Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Selanjutnya, Yang Berhormat berkata selain belia, penglibatan anak kampung juga penting dalam meningkatkan pengeluaran sektor pertanian. Namun, pencapaian ladang kelompok atau Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) masih kurang memberangsangkan, dengan sebahagian tanah yang diperuntukkan pada anak kampung tidak dimanfaatkan. Sehubungan itu, kementerian kini sedang menilai semula inisiatif KPLB bagi memastikan ia mencapai matlamat yang disasarkan.

Bagi menyokong perusahaan agrimakanan, Yang Berhormat turut menerangkan pihak kementerian juga bersama BEDB melaksanakan Program Capacity Enhancement bagi MSME dalam sektor makanan.

Menurut Yang Berhormat, program ini bertujuan memudah cara pertumbuhan syarikat agrimakanan, khususnya dalam peralihan dari operasi *home-based* kepada premis pemrosesan yang lebih sesuai, teratur dan mematuhi

piawaian makanan. Daripada 14 syarikat yang menyertai program ini, empat syarikat *home-based* telah ditawarkan untuk berpindah ke *dedicated premises*.

"Dalam perkara ini, kementerian juga ingin merakamkan penghargaan terhadap cadangan Ahli MMN, Yang Berhormat Chong Chin Yee yang dikemukakan semasa Perbahasan di Peringkat Jawatankuasa bagi tajuk di bawah Kementerian Pendidikan pada 13 Mac 2025.

"Cadangan tersebut berkaitan dengan sokongan kepada graduan tempatan untuk menceburi bidang sains makanan dan perikanan serta penyelidikan dan pembangunan dalam inovasi teknologi pemrosesan dan pembungkusan makanan, yang dapat memberi manfaat dalam memajukan sektor industri agrimakanan di negara ini.

"Kementerian akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi berkepentingan, dalam usaha meningkatkan peluang pekerjaan, bukan sekadar dalam sektor agrimakanan tetapi juga dalam industri-industri lain yang bersangkut-paut dengan bidang pertanian dan perikanan," ujar Yang Berhormat lagi.

Penggunaan teknologi terkini bagi terokai pasaran eksport

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Ke arah meningkatkan lagi keluaran hasil komoditi pertanian dan perikanan ke tahap yang disasarkan, pihak kementerian sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi-teknologi terkini, mudah dan mampu milik bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tempatan malah untuk meneroka pasaran eksport.

Antara teknologi dan teknik moden diguna pakai dalam aktiviti tanaman adalah seperti penanaman sayur menggunakan sistem *aquaponics*; penggunaan tenaga suria, sistem titis dan *vertical farming* dalam rumah terlindung sementara penggunaan teknologi dron bagi penyemburan racun dan pemantauan menggunakan data *analytics* di ladang-ladang padi, sistem bermeja yang sesuai untuk diguna pakai bagi kawasan yang mudah banjir, Recirculating Aquaculture System bagi penternakan ikan dan undang dan sistem Internet of Things bagi pemantauan kualiti air.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan perkara tersebut dalam Kenyataan Yang Berhormat mengenai dengan 'Komitmen Berterusan Dalam Memajukan Sektor Makanan dan Pelancongan yang menyentuh dua aspek utama iaitu, strategi ke arah memajukan industri makanan dan seterusnya

menjamin sekuriti makanan negara, serta usaha dan inisiatif dalam mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini, pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat juga menjelaskan di samping menggalakkan penggunaan teknologi, kementerian juga berusaha untuk menarik penglibatan Pelaburan Langsung Asing dan usaha sama dalam pelaksanaan aktiviti pertanian dan perikanan. Pada masa ini, terdapat sebanyak 17 syarikat pelabur asing dan juga syarikat-syarikat usaha sama yang terlibat aktif dalam sektor perikanan dan pertanian.

Menyentuh mengenai usaha dalam meningkatkan lagi perkembangan di sektor pertanian dan perikanan, selain dari memfokuskan peningkatan penghasilan untuk pasaran dalam negara, Yang Berhormat menjelaskan pihak kementerian juga meneroka peluang produk hasil tempatan untuk dikembangkan dan dipasarkan ke luar negeri seperti Republik Singapura, Republik Rakyat China, Hong Kong, Republik Indonesia dan Sabah dan Sarawak, Malaysia.

Tambah Yang Berhormat lagi, sejak tahun 2022, kementerian mempergiatkan usaha dalam meningkatkan *export drive*

initiative bagi membantu pengusaha dan syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKMS) di Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan perusahaan masing-masing.

Berkata Yang Berhormat lagi, inisiatif ini juga dilaksanakan dengan mengukuhkan peranan Food Competent Authorities untuk mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi dari negara pengimport melalui pengukuhan akta-akta yang berkenaan dan aktiviti-aktiviti kawal selia, penaiktarafan makmal bagi mencapai *international standard*, peningkatan kompetensi *key personnel* bagi perkhidmatan makmal, dan kapasiti makmal dipertingkatkan antaranya melalui pengukuhan *lab testing*.

Selain itu juga ujar Yang Berhormat, usaha dalam mempertingkatkan kapasiti pengeluaran pengusaha dan juga pematuhan piawaian atau standard yang berkenaan telah dilaksanakan seperti Brunei Good Agricultural Practise dan HACCP yang mana pematuhan yang ketat oleh semua syarikat termasuk MSMEs terhadap piawaian atau standard berkaitan biosekuriti, ladang bertujuan untuk memastikan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan mengeluarkan hasil yang berkualiti dan selamat untuk dimakan.

"Dengan melaksanakan inisiatif - inisiatif ini, pengusaha - pengusaha

tempatan diharap dapat meningkatkan pengeluaran mereka dengan tujuan untuk mengurangkan kos penghasilan serta mengurangkan kos bahan mentah bagi syarikat pemrosesan.

"Seperti yang telah diutarakan semasa sesi pertanyaan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, kementerian ini secara berterusan akan berunding dengan agensi-agensi kawal selia berkenaan dalam mencari jalan penyelesaian untuk membantu pihak MSMEs mengurangkan beban kos yang dihadapi bagi pematuhan piawaian atau standard di samping masih dapat memenuhi keperluan yang dipersyaratkan," Yang Berhormat menjelaskan.

Yang Berhormat juga turut menerangkan hasil dari perundingan - perundingan bersama agensi-agensi kawal selia berkenaan, beberapa inisiatif dilaksanakan bagi memudahkan para pengusaha MSMEs di sektor pertanian dan perikanan mengurangkan kos permulaan operasi ladang dan pada masa yang sama mematuhi piawaian yang ditetapkan

"Pertama, pengecualian Kebenaran Perancangan (TCP) untuk pembinaan rumah semaian, *greenhouse* dan *pre-approved standard design* bagi rumah pekerja, rumah pam, ofis ladang dan stor, kedua, pengecualian Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri

Pembinaan (ABCi) untuk Kebenaran Kemajuan, Yuran Kemajuan bagi pelan bangunan, *standard design*, Permit Kebenaran Memulakan Kemajuan, dan Sijil Occupation Permit (OP), khususnya bagi pembinaan rumah semaian, *greenhouse* dan *pre-approved standard design* bagi rumah pekerja, rumah *farm*, ofis ladang dan stor.

"Ketiga, pengecualian DES dan DWS bagi keperluan mendapatkan Sijil OP bagi pemasangan utiliti elektrik dan air, keempat, pengecualian oleh Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) bagi syarikat MSME (kurang 100 orang pekerja), melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2014).

"Kelima, cadangan standard skop kerja Environmental Impact Assessment (EIA) bagi aktiviti akuakultur berdasarkan kepada keluasan tapak dan kawasan, dan keenam, pengecualian melaksanakan Environmental Baseline Study (EBS) dan EIA untuk tapak-tapak perikanan baharu di kawasan persisiran dan luar pantai, dan pengusaha hanya perlu menghadapkan Written Notification bersama Environmental Management and Monitoring Plan (EMMP) bagi pemantauan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe)," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPELBAGAIKAN, MENGUKUHKAN, MEMPROMOSI PRODUK PELANCONGAN NBD

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Ini dijelaskan dalam Kenyataan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin yang menyentuh dua aspek utama iaitu, strategi ke arah memajukan industri makanan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara serta usaha dan inisiatif dalam mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini, pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Dari segi promosi dan pemasaran, Yang Berhormat menjelaskan beberapa inisiatif projek dan acara telah diungkuhkan oleh Kementerian ini sepanjang tahun 2024 seperti pertama, mengenal pasti enam pasaran sasaran baharu untuk mempromosi dan menarik pelancong ke negara ini,

termasuk Dubai, Republik Indonesia, United Kingdom, Taiwan, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam, kedua, menyertai tiga pameran atau ekspo dan mengadakan empat sesi networking di luar negara seperti Republik Korea, Republik Singapura, Jepun, Republik Indonesia dan baru-baru ini jerayawara di kota Miri, Sarawak mempromosi Brunei Coffee Trail.

Ketiga kata Yang Berhormat, memanfaatkan pemasaran melalui Social Media Influencers, yang mana sebanyak 18 mempengaruhi telah dijemput bagi mempromosi negara ini sebagai destinasi pelancongan kepada audiens sasaran masing-masing, dan mempengaruhi ini melibatkan dari *international*, seterusnya, 12 lawatan suai kenal ejen pelancongan dari negara Jepun, United Kingdom, Republik Singapura, Dubai, Taiwan dan lain-lain juga telah dijalankan dalam mempromosi produk pelancongan yang khusus seperti pelancongan pendidikan, Islamik, Birdwatching dan Diving.

Dan kelima jelas Yang Berhormat lagi, bekerjasama

dengan Online Travel Agencies seperti TripAdvisor, Expedia dan Agoda, sebagai platform mengadakan kempen pemasaran bagi membolehkan pelanggan membuat tempahan secara online langsung dan sehingga kini telah mendapatkan tempahan USD240 ribu secara keseluruhan.

Menambah dalam Kenyataan Yang Berhormat selanjutnya dari segi pembangunan produk, Kementerian telah mengambil inisiatif meningkatkan daya tarikan dan kepelbagaian produk pelancongan melalui Direktori Produk Pelancongan dalam talian, iaitu ExploreBrunei. Direktori ini membantu ejen pelancongan membangunkan pakej pelancongan, dengan 668 aktiviti disenaraikan dalam Explore Brunei. Antara pakej yang ditawarkan termasuk Tutong River Safari, Labi Exploration, Brunei Heritage Trail dan Temburong Destination Package. Kementerian turut melaksanakan Program Tourism Service Providers Enhancement dan Bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan melibatkan 38 pengusaha tempatan

Inisiatif ini kata Yang Berhormat, bertujuan meningkatkan nilai produk pelancongan serta menyediakan sumber untuk menambah

baik pakej-pakej pelancongan. Selain itu, Kementerian terus bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, termasuk menggalakkan Majlis Perundingan Kampung (MPK) untuk mengemas kini maklumat mengenai produk dan aktiviti berpotensi bagi promosi kepada pelancong. Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi sektor pelancongan di NBD, Kementerian ini jua telah merangka beberapa perancangan strategik untuk memajukan industri pelancongan Islamik dan pelancongan pendidikan.

"Bagi menyokong perkembangan pelancongan Islamik, pelbagai pakej ditawarkan termasuk lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanil Bolkhiah telah diadakan.

"Pakej ini turut merangkumi Masjid Tour, pengalaman Ramadan dengan iftar bersama di masjid-masjid utama serta penyertaan dalam Majlis Sambutan Maulud Nabi dan tradisi Islam tempatan," jelas Yang Berhormat.

Selanjutnya Yang Berhormat berkata dari segi pelancongan pendidikan pula, antara usaha yang sedang dijalankan adalah

memperkuh kerjasama dengan universiti-universiti antarabangsa dan tempatan bagi menarik lebih ramai pelajar dan penyelidik untuk menjadikan NBD sebagai destinasi pendidikan yang unik seperti pertama, menawarkan pengalaman pembelajaran mendalam dengan mempamerkan biodiversiti, warisan budaya, dan pembangunan mampan melalui lawatan kajian terancang serta bengkel bertema, termasuk hutan hujan, seni tradisional, dan budaya Islam.

"Kedua, program pendidikan seperti pembelajaran bahasa Inggeris dan kem musim panas termasuk AU UBD AUN Summer Camp 2024, UTB Odyssey, serta Program Sekolah Perubatan Musim Panas Antarabangsa Ke-14 yang mana menarik minat pelajar antarabangsa. Faktor utama daya tarikan ini adalah persekitaran aman, selamat, dan hijau, menjadikan NBD destinasi pilihan di rantau ini.

"Ketiga, program pertukaran pelajar dengan negara-negara seperti Republik Singapura, Jepun dan lain-lain; dan keempat, lawatan suai kenal dari institut pendidikan seperti dari Jepun yang bertujuan untuk menarik lebih ramai lagi penuntut Jepun ke negara ini," ujar Yang Berhormat lagi.



SEKITAR persidangan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. – Dalam usaha meningkatkan kapasiti dan kualiti perkhidmatan dalam sektor hospitaliti dan perkhidmatan yang disediakan untuk para pengunjung dan pelawat, Kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan kursus latihan yang melibatkan golongan belia dan Competency Framework dan Career Pathways telah pun dirangka di bawah Manpower Industry Steering Committee for Hospitality and Tourism, termasuk bagi jawatan Receptionist, Room Attendant, Public Area Cleaner, Bartender, Waiter, Waitress, Kitchen Helper, Commis Chef, Tourist Guides, dan Travel Consultant dan beberapa buah Competency Framework dan Career Pathways masih lagi dalam penyediaan.

Di samping itu, Kementerian ini juga akan terus memberi sokongan melalui penyediaan

peruntukan bagi menyediakan dan menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas khususnya di destinasi-destinasi pelancongan melalui Projek-Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan Projek Public Private Partnership seperti di jeti-jeti di Sungai Brunei, Sungai Tutong dan taman-taman rekreasi hutan; pemasangan papan-papan tanda maklumat di destinasi pelancongan dan papan tanda di lebuh raya serta di jalan raya kampung-kampung. Ini adalah bagi memastikan pengalaman yang selesa dan selamat bagi pelancong-pelancong.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan perkara tersebut dalam Kenyataan Yang Berhormat mengenai dengan 'Komitmen Berterusan Dalam Memajukan Sektor Makanan dan

Pelancongan' yang menyentuh dua aspek utama, iaitu strategi ke arah memajukan industri makanan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara serta usaha dan inisiatif dalam mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini, pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan adanya penyediaan dan penambahbaikan ini, Kementerian juga menggalakkan pihak Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Majlis

Perundingan Mukim (MPM) untuk merebut peluang keusahawanan terutamanya di tempat-tempat yang sering mendapat kunjungan pelancong dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan produk berkaitan pelancongan, seperti jualan cenderamata, makanan, atau minuman, khususnya golongan muda digalakkan untuk lebih inovatif dalam menawarkan idea-idea baharu, dan sebagai contoh, peningkatan bilangan pelancong di Luagan Lalak memberikan peluang kepada masyarakat setempat untuk mempromosi produk tempatan seperti jus Limau Labi yang boleh dipasarkan sebagai cenderamata dalam bentuk produk hiliran.

"Secara kesimpulannya,

kementerian akan terus komited dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran dari sektor pertanian dan perikanan serta sektor pelancongan di samping memelihara alam sekitar bagi memastikan pembangunan dan pemuliharaan hutan.

"Kerjasama dari pihak-pihak berkepentingan, pihak swasta dan masyarakat juga diperlukan dan akan terus dilaksanakan sejajar dengan pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) termasuk meningkatkan peluang pekerjaan di sektor-sektor berkaitan," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

سوره سوري

رمضان: جاغن لفسكن فلواغ مباح القرآن

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنن كيما ن كقدن. سسغوكهن اورغ يغ فالبع مليا دسيبي الله ﷺ ايت ايله اورغ يغ فالبع بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ، براوله كحيان دان كسلامن دننيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

دالم بولن رمضان يغ فونه رحمة دان كيركن اين، سام-سامله كيت منجاتكن شكور كحضرة الله ﷺ كران منجكنن عمور دان مميري كسمفن كقد كيت اوتوق مليتكنداكن اوسها دان عمل عباده باكي مندافتكن كنجون فهلا دبولن يغ فونه مبارك اين.

دالم بولن اين تردافت ساتو فريستيو اكوغ تله برلاكو دالم سجاره اسلام، ياي تورو ن كتاب سوجي القرآن. القرآن دتورونكن اداله سباكاي رحمة دان فناور، منجاديكن فكاغن، فدومن دان فتونجوق يغ منجلسكن فرييدان انتارا يغ حق دغن يغ باطل اوتوق سكالين مانسي اكر هيدوف سجهزا، امان، تنزام دان سلامت دننيا دان داخيرة. الله ﷺ بر فرمان دالم سورة البقرة آية ١٨٥:

تفسيرن:

"(ماس يغ دواجيكن كامو برفواس ايت ايله فد) بولن رمضان يغ دتورونكن فدن القرآن سباكاي فتونجوق كقد مانسي دان سباكاي كواغن-كواغن يغ منجلسكن فتونجوق ايت دان منجلسكن فرييدان انتارا يغ بر دغن يغ ساله."

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، ستياف كالي تيبا بولن رمضان، اومت اسلام دنكارا اين برلوما-لوما اوتوق منيغكنن دان مليشكنداكن ستياف عمالن كياجغن يغ دلاكوكن اوتوق مغهارف كريضان الله ﷺ سقرتي مغربايقن مباح القرآن، بايق برؤكتر، مغربايقن صدقه دان ساومفاما ن.

شعار رمضان دافت دليهت دمان-مان دغن ادان فيهق ترنتو سقرتي كمنزين-كمنزين، جابن-جابن، بادن-يادن كراجان، فيهق سواستا دان

فرسنديرين يغ مغاداكن فلپا كاي اكيويي بروفا اجارا كاكامان سقرتي تداروس القرآن دان ختم القرآن، دمان انتارا توجوانن اداله اوتوق مروت كنجون دان كاستيموان باكي سيباف يغ مغهدوفكن بولن رمضان دغن عمالن-عمالن بروفا عباده دان كياجغن.

سسغوكهن بولن رمضان اداله كسمفن يغ فالبع برهرك باكي كيت اوتوق مغربايقن مباح القرآن، سام اد سجارا برتندروس اتافون سجارا برساورغن ليه-ليه لاكي سهيغك منامتكن اتافون ختم باجان ٣٠ جز القرآن.

فلو دكتهوي، بهاوا اورغ-اورغ يغ مباح القرآن دنجيكن كنجون دان فضيلة يغ اومت بسر. رسول الله ﷺ دالم حديث-حديث بكيندا اد مبيونكن مغناي كلبهين باكي اورغ-اورغ يغ مباح القرآن، انتاران:

فرتام: فمباح القرآن دناوغي دغن فايوغ رحمة، دكليبيغي فارا ملائكة دان دتورونكن الله ﷺ كقدن كتنغن دان كوسفادان.

كدوا: فمباح القرآن دكورنياكن هاتين دغن جهاي اوليه الله ﷺ دان دقليهاران دري ككلافن.

كتيك: فمباح القرآن تيدق بركونده هاتي دان ترلفس دري كسوسهن-كسوسهن دهاري قيامه، كران دي سنتياس دالم فمليهاران دان فنجكان الله ﷺ.

كامفت: فمباح القرآن مشراوليبي كدودوقن يغ تيغكي دالم شرك. درقد عبدالله بن عمرو رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا يغ بر مقصود: كلق اكن دكاتكن كقد فمباح القرآن؛ باجله (القرآن)، نايكله (فد درجت-درجت شرك) دان باجله دغن ترتيب سباكيما ن اُغكاو مباحن دغن ترتيب دننيا. سسغوكهن كدودوقن درجتو سهيغك قدر اخير آية يغ اُغكاو باج. {حديث رواية إمام ترمذي}

كليم: ساتو حروف القرآن يغ دياج مندافت ساتو فهلا. سباكيما ن حديث يغ دروايتكن اوليه امام الترمذي، درقد عبدالله بن مسعود رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَلِهَا لَا أَقُولُ إِلَّا الْحَرْفَ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلاَمٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

مقصودن:

بارغسياف مباح ساتو حروف درقد كتاب الله (القرآن)، مك باكين ساتو كياجغن، دان ساتو كياجغن ميامي دغن سقلوه. اكو تيدق مغاتكن آليف لم ميم ايت ساتو حروف تايي آليف ساتو حروف، لم ساتو حروف دان ميم ساتو حروف.

جماعه يغ درحمي الله،

دبولن رمضان يغ مليا اين، ماريله كيت مروت فلواغ اوتوق مرايه فهلا دغن مباح القرآن دان برتديور (مهمي، مغحياتي ايسي كندوغن) اوتوق دجاديكن فلدوان دان فدومن دالم كهيدوفن سهارين. اوليه ايت، والاو سسيبوق مان فون كيت دغن اورو سن فركجان دان كهيدوفن كيت سهارين-هارين، جاغله سكالين-كالي كيت لوفنا اتافون تيدق ملواغكن ماس اوتوق مباح القرآن دان برتديور دغن.

اخيرن، سام-سامله كيت برعزم اوتوق مغيسي ماس دان رواغ يغ اد دبولن مبارك اين دغن ملاكوكن فركارا-فركارا يغ بايك دان بر كياجغن. ماريله كيت جاديكن مباح القرآن ايت سباكاي ساتو بوديا دان عمالن هارين يغ برتروسن بوكن ستاكت دبولن رمضان ساج. موده-مودهن دغن يغ دمكين، كيت سموا اكن مندافت شفاعه، رحمة دان بركت درقد الله ﷺ. آمين يا رَبِّ الْعَالَمِينَ.

تفسيرن:

سسغوكهن اورغ-اورغ يغ سنتياس (ملازمكن) مباح كتاب الله (القرآن) دان منديريكن سبهيغ سرتا مبلنجان سباهاكين درقد رزقي يغ كامي كورنياكن كقد مريك سام اد سجارا برسيمي-بسيمي اتاو سجارا برترغ-ترغن، مريك ايت مغهارفكن قرنياكان يغ سكالين-كالي تيدق اكن روكي. {سورة فاطر آية : ٢٩}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَالنَّجَاةَ النَّائِبِينَ.

KEMENTERIAN KESIHATAN ADAKAN MAJLIS TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku ketua rombongan Kementerian Kesihatan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil (kanan), manakala gambar bawah kiri, sekitar majlis berkenaan.

Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Rombongan diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis juga diisi dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dan seterusnya bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin



oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan

Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Tadarus Al-Quran anjuran KHEDN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) hadir selaku tetamu kehormat majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Berserta Rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatan di Dalamnya Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah diadakan petang tadi di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Majlis dimulai dengan majlis bacaan Tadarus Al-Quran dan bacaan Tahlil serta Doa Selamat dipimpin oleh Imam Haji Hayrul bin Haji Hakim.

Seramai 21 orang anak-anak yatim yang bermastautin di kawasan berhampiran Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan menerima sumbangan derma dan diteruskan dengan penyampaian wakaf bagi Masjid As-Salaam yang berupa komputer desktop dan peti ais bagi kegunaan masjid berkenaan.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Brunei dan Muara, ketua-ketua jabatan, penghulu mukim dan ketua kampung, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta Ahli-ahli MPMK.

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN semasa menyampaikan wakaf.



جاہلیں فریقان ایجوکوسی دان سٹاکسٹیج
JAKHAWA'YAH DAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google play



Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
 JPE / LTK / JAN / 006 / 2025
 Supply and Delivery of Accessory Gear Bearings Spare Parts For Frame 5 Gas Turbine at DES Power Stations

Tarikh Tutup:
 8 April 2025.
 Selasa,
 Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
 BND30.00

Tempat Tutup :
 "Tender Box"
 Pengerusi
 Lembaga Tawaran Kecil,
 Basement Two (B2)
 Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri
 Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
 Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
 Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kategori P05 dan Berdaftar Di Bawah Akta Syarikat-Syarikat - Penggal 39 dan Memiliki Perakuan Penubuhan syarikat Persendirian Yang Sah.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Sebut Harga dan Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
 Sila sertakan salinan "Business Names Enactment, 1958 – Section 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja, "Tap Employer Contribution" dan "Certificate of Tax compliance" semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



Rujukan Tawaran :
 MINDEF / DFA / FY2024 / LOG / TA / 03
 Pembelian Kenderaan Medium Truck Cargo GS 4 Ton

Yuran Tawaran :
 BND1,000.00
 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Terakhir Bagi Pembelian Borang Tawaran:
 Dilanjutkan
 Selasa, 8 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan :
 Selasa,
 22 April 2025.
 Jam 12.00
 Tengah Hari.

Toric Posterior Intraocular Chamber IOL) For Eye Centre, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran: BND30.00

Bilangan Tawaran:
 KK / 50 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
 Supply And Delivery Of Medical Consumables Of Phacoemulsification System For Eye Centre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran: BND100.00

Tarikh Tutup:
 25 Mac 2025.
 Tidak lewat jam
 12.00 Tengah Hari.



Tawaran

Bilangan Tawaran:
 KK / 46 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
 Supply And Delivery Of Medical Consumables Item For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
 BND30.00

Bilangan Tawaran:
 KK / 47 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
 Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Surgical Dressings) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran: BND 50.00

Bilangan Tawaran:
 KK / 49 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
 Supply And Delivery Eye Consumables Items (Acrysoft



Bilangan Tawaran: JBS
 JBS / ADM / TDR / 03 / 2025

Bilangan Tawaran:
 Request For Proposal Bagi Pengurusan dan Pengendalian Kiosk "Santai De Indoor", Tapak Letak Kereta dan Acara Sepanjang Tahun Di Kawasan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

Bilangan Tawaran:
 JBS / ADM / TDR / 04 / 2025

Bilangan Tawaran:
 Request For Proposal Bagi Food Court Restaurant Stadium Negara Di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

Yuran Tawaran:
 BND30.00

Tarikh Tutup:
 Selasa, 15 April 2025.



Bilangan Tawaran:
 (08) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
 Supply And Install New Portable Outdoor Videowall LED Screen (Digital Electronic Score Board Panel) Complete With Control System (Software And Hardware) To Hassanal Bolkiah National Stadium, HBNSC

Yuran Tawaran:
 BND5.00

Tarikh Tutup:
 Khamis, 3 April 2025.



Bilangan Sebut Harga:
 02 / JAN / 2025 / KKBS / PJK / 16.14

Tajuk Sebut Harga:
 Membekal dan Memasang Kotak Paparan dan Rak Baharu Di Tingkat 8, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam

To Fabricate, Supply And Install New Display Case And Shelves At Level 8, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
 Khamis, 10 April 2025.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Sebut Harga:
 01 / JMM / S / 12 / 91 (2025 / 2026) – R

Tajuk Sebut Harga:
 Sebut Harga Bagi Membaik Pulih dan Menaik Taraf Perahu Berdaftar BG 0397 Di Taman Warisan Tasek Merimbun

Tarikh Tutup :
 Khamis,
 10 April 2025.



23 PESAKIT TERIMA BANTUAN PROGRAM MOH PRIHATIN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan melawat pesakit-pesakit di Daerah Brunei dan Muara (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan lawatan ke rumah-rumah pesakit yang kurang berkemampuan bagi menyampaikan sumbangan derma, barang-barang keperluan asas dan peralatan perubatan kepada pesakit serta keluarga yang telah dikenal pasti dan berdaftar di Bahagian Kebajikan Perubatan di kawasan Daerah Brunei dan Muara (DBM), Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait, hari ini.

Pada tahun ini, Program MoH Prihatin telah mengenal pasti seramai 23 pesakit dan keluarga yang berdaftar di bawah Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan (Medical Social Worker Services) bagi tujuan lawatan

berkenaan. Rombongan lawatan dibahagikan pada empat kumpulan, iaitu satu kumpulan rombongan di DBM, Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait.

Bagi DBM diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar melawat empat orang pesakit. Manakala di Daerah Belait, rombongan lawatan diketuai oleh rombongan diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, melawat seramai empat orang pesakit.

Sementara di Daerah Tutong diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah

Rafidah binti Haji Gharif yang melawat seramai lapan orang pesakit.

Bagi rombongan di Daerah Temburong pula diketuai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff, melawat dua orang pesakit. Hanya 18 orang pesakit akan dikunjungi oleh rombongan Kementerian Kesihatan manakala lima lagi akan menerima sumbangan secara berasingan.

Lawatan tersebut merupakan salah satu aktiviti kebajikan tahunan yang diungkuhkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan bagi menyerahkan sumbangan yang terkumpul daripada Tabung Bantuan Amal Pesakit Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan bagi menyerahkan sumbangan yang terkumpul dari Tabung Bantuan Amal Pesakit Bahagian Kebajikan Perubatan yang diperolehi dari sumbangan ikhlas daripada warga Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan, pihak swasta dan orang-orang persendirian.

Program MoH Prihatin ini juga turut disokong oleh ketua-ketua jabatan di Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai perubatan; jururawat-jururawat; kakitangan hospital; wakil-wakil

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

dari Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association), Brunei Cardiac Society, Brunei Society of Anaesthesiologists (BSA), Brunei Medical Association (BMA), Brunei Paediatric Society (BPS), Brunei Darussalam Association of Medical

Laboratory Scientists (BAMLS) dan RIPASH Doctors' Mess, sumbangan persendirian daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan juga sumbangan daripada pihak swasta serta sokongan daripada syarikat korporat.



Sumbangan derma bantu ringankan beban anak yatim

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu khas.

JERUDONG, Ahad, 16 Mac. - Majlis Penyampaian Derma bagi anak-anak yatim Mukim Sengkurong bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, petang tadi.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku tetamu kehormat dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat selaku tetamu khas.

Turut hadir pada majlis tersebut, Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman, Ketua-ketua kampung, Pemangku Ketua Kampung serta Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B'.

Sumbangan berkenaan disumbangkan oleh Pengarah Syarikat Arzwanina Sdn. Bhd., Awang Haji Jabar Sadiq yang dikendalikan oleh MPK Kampung Sengkurong 'B' yang dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail.

Seramai 260 anak yatim daripada 10 buah kampung bagi Mukim Sengkurong telah menerima sumbangan derma pada majlis berkenaan.

Majlis juga diselenggarakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah bersempena menyambut bulan Ramadan 1446H dan berbuka puasa.

Sumbangan derma berkenaan antara lain bertujuan untuk menampung perbelanjaan anak-anak yatim bagi menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.

Orang beriman perlu menghindari sifat iri hati

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Demikian antara huraian inti sari dan pengajaran ayat daripada Tadabbur Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat 32 yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Norhayati binti Haji Abd. Rahman, dari Mushalla Al-Ameen, PDI bagi menyerahkan Munajat Ramadan Khas Untuk Wanita Ke-23 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-177 bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025.

Munajat Ramadan dimulakan

dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Presiden Kelab Wanita Antarabangsa Brunei, Ungku Datin Hajah Fanzah binti Osman.

Diteruskan dengan bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Pensyarah (SkiPPA), Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB), Dayang Raihanah binti Haji Ali Asgar, dari Musolla ITAQSHHB.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Ugama (SkiPPA), Jabatan Majlis Ugama

Islam, KHEU, Dayang Muzainah binti Mohaimin dari Surau KHEU.

Selepas Tadabbur Al-Quran, majlis diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Hajah Zarina binti Dato Haji Abu Zar, Ahli Kelab Wanita Antarabangsa Brunei. Kemudian, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Ugama (SkiPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Nooraimah binti Sibuang.

Mengimarahkan Munajat Ramadan berkenaan ialah ahli-ahli Kelab Wanita Antarabangsa Brunei, tenaga pengajar dan penuntut wanita ITAQSHHB, para Muslimah daripada beberapa buah masjid serta warga kerja wanita KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya dan juga individu yang turut serta secara maya.

Turut menyerikan acara Munajat Ramadan ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Munajat Ramadan anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah di bulan Ramadan dan meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala musibah dan penyakit berbahaya.

Semoga dengan amalan ibadah yang dikerjakan di bulan Ramadan ini, kehidupan kita dan NBD diberkati.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi turut hadir menyerikan Munajat Ramadan Khas Untuk Wanita Ke-23 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-177 bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025.

MAJLIS TADARUS SEMARAKKAN BULAN RAMADAN PENUH KEBERKATAN



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar atas, sebahagian yang turut serta pada Majlis Bertadarus Al-Quran (bacaan Juzuk 22).

BELAIT, Sabtu, 15 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (bacaan Juzuk 22) yang diselenggarakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Sembahyang

Fardu Asar Berjemaah dan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan pada tahun ini. Majlis berkenaan diadakan di Surau Hospital Suri Seri Begawan (Hospital SSB), Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff. Majlis berkenaan diselenggarakan

dengan penyampaian sumbangan derma kepada 11 anak yatim daripada warga kakitangan Hospital SSB.

Sebagai sebahagian daripada usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Majlis Bertadarus berkenaan dianjurkan secara bergilir di keempat-empat daerah di NBD.

Hospital SSB merupakan penutup bagi rangkaian Majlis Bertadarus yang diadakan oleh Kementerian Kesihatan sepanjang bulan Ramadan ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Terapkan nilai syukur, sabar di bulan Ramadan



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu khas pada Forum Khas berkenaan (atas), manakala gambar bawah kanan, ahli-ahli panel semasa membuat pembentangan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad, ihsan Pusat Da'wah Islamiah



SEBAHAGIAN yang hadir pada forum tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 15 Mac. - Seramai 140 orang menyertai Forum Khas Sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi dengan tema 'Puasa dan

Kesihatan Mental' anjuran Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Para peserta terdiri daripada para pegawai dan kakitangan PDI dan Unit Da'wah Daerah-daerah serta Persatuan-persatuan Muallaf, Muslimah Masjid dan juga belia-belia di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia, KHEU.

Forum Khas ini diadakan di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie.

Tujuan Forum Khas tersebut diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai impak puasa terhadap kesihatan fizikal dan mental serta kebaikan puasa dalam mengurangkan tekanan di samping meningkatkan ketenangan jiwa dan emosi serta menerapkan nilai syukur, sabar dan qanaah.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Ahli panel Forum Khas terdiri daripada Pegawai Perkembangan Ugama PDI, Awang Haji

Muskrisman Safari bin Haji Mustafa; Pegawai Pelajaran KHEU, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman; dan Penolong Kaunselor Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Fariszal bin Ali.

Forum dipengerusikan oleh Pembantu Kanan Perkembangan Ugama PDI, Dayang Zannatul Mardhiah binti Awang Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada ahli-ahli panel yang disempurnakan oleh tetamu khas. Majlis diteruskan dengan persembahan Tausyeh daripada Kumpulan Dhiyaul Iman, daripada Program Keugamaan Belia, KHEU.

Forum Khas sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi ini diharap akan dapat mencapai objektif dan sasaran yang dihasratkan iaitu bagi mengongsikan ilmu pengetahuan agar lebih bersemangat melaksanakan ibadah puasa dengan lebih sempurna.





IMBASAN MINGGUAN



MAJLIS Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman, di sini. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

MAJLIS Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diteruskan lagi bagi malam kesembilan di Surau, Istana Nurul Iman. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

ANTARA penuntut yang mengikuti rombongan SHENA pada Majlis Tahliil khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang berlangsung di Kubah Makam Diraja. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

SEBAHAGIAN penuntut sekolah pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara diadakan secara serentak di keempat-empat buah daerah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SUASANA Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman, di sini. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

BANTU MEMASTIKAN PEMBANGUNAN WARGA EMAS PRODUKTIF, SIHAT



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-6 (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Mac. - Pertubuhan WARGAMAS Brunei mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-6 di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiyah, Serusop, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Terdahulu, Yang Dipertua (YDP) Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa Pertubuhan WARGAMAS Brunei adalah sebuah platform yang mustahak dan berguna dalam membantu memastikan pembangunan warga emas yang produktif dan sihat.

Pertubuhan WARGAMAS Brunei ujarnya lagi, akan terus memberikan kerjasama dan sumbangan kepada pencapaian hala tuju pembangunan negara termasuklah bagi mewujudkan perpaduan secara menyeluruh

bagi membantu mencapai Wawasan Brunei 2035.

Awang Haji Abu Bakar seterusnya menyeru kepada pimpinan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) dan JKK Pertubuhan WARGAMAS Brunei agar menjaga jawatan yang diamanahkan sebagai 'Taklifun

Wala Tasrif' iaitu sebagai tanggungjawab bukan untuk bermegah-megah selain menjadi suara kepada warga emas yang lainnya.

Majlis diteruskan dengan ucapan perasmian yang disempurnakan oleh tetamu kehormat diikuti dengan Persembahan Lagu Rasmi Pertubuhan WARGAMAS Brunei oleh Ahli-ahli WARGAMAS Brunei.



NBT Brunei kongsi rezeki bersama anak yatim



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Inchcape Brunei

GADONG, Sabtu, 15 Mac. - Dalam suasana Ramadan yang mulia ini, NBT Brunei meneruskan komitmennya untuk memberi kembali kepada masyarakat melalui acara CSR tahunan iaitu 'Ramadhan Penuh Senyuman NBT'.

Inisiatif yang prihatin ini menampilkan program derma dan majlis berbuka puasa untuk anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), mencerminkan dedikasi

syarikat terhadap kesejahteraan masyarakat dan tanggungjawab sosial.

Acara diadakan di Showroom Toyota Beribi itu mengumpulkan seramai 51 anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara untuk sebuah malam istimewa yang penuh kebersamaan, kehangatan dan kemurahan hati.

Sorotan acara adalah termasuk penyampaian sumbangan yang disampaikan oleh Pengarah Urusan NBT, Awang Haji Ahmad bin Haji Husin, yang terdiri daripada

PENGARAH Urusan NBT, Awang Haji Ahmad bin Haji Husin menyampaikan sumbangan kepada penerima.

barangan keperluan, hadiah perayaan dan sumbangan kewangan, diikuti dengan sesi berbuka puasa yang bermakna.

Awang Haji Ahmad mengungkapkan rasa syukur atas kesempatan untuk memberi kembali kepada mereka yang memerlukan.

"NBT berhasrat untuk membawa kegembiraan dan mengurangkan beban kepada mereka yang memerlukan sambil menguatkan nilai-nilai kebaikan dan kemurahan hati melalui program Ramadhan Penuh Senyuman kami. Ia sangat menyentuh hati untuk berkongsi momen istimewa ini dengan anak-anak yatim dan saya berdoa agar mereka sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kami bersyukur kepada masyarakat Brunei atas kepercayaan dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada NBT," ucapnya.

Acara tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif CSR syarikat, yang mengukuhkan

PUISI

LAILATUL QADAR ADALAH REZKI

Lailatul Qadar adalah rezki yang sudah pasti ada tetapi kita tidak tahu bagaimana cara untuk mendapatnya. Sedang Allah juga tidak memberitahu - kerana ada hikmah - supaya kita bersungguh-sungguh mencarinya memburunya dengan ibadat-ibadat di malam hari: Sembahyang Maghrib sesempurnanya sembahyang Isyaa' sesempurnanya sembahyang Tarawih sesempurnanya qiamul lail dan bertahajjud, sekiranya semua ini sudah dibuat sebulan penuh Ramadhan, maka layaklah bergembira bahawa Lailatul Qadar sudah jadi milik kita. Inilah untungnya menjadi penghayat malam-malam Ramadhan, tetapi bukan penghayat sekadar berjaga malam dengan banyak pelesiran dengan banyak hiburan dengan banyak makan minum dengan banyak hilai ketawa, bukan! Bukan! Tetapi menghayat di sini ialah dengan amal bakti dengan sembahyang dengan membaca Al-Qur'an dengan banyak berzikir dengan banyak bertafakkur dengan banyak beristighfar dengan banyak menangis mengingat akhirat. Itulah amal penggamit Lailatul Qadar. Tetapi selain itu, walau jenuh berjaga ... jika hati lalai jika jiwa kosong ... jika amal sia-sia ... maka kerananya LAILATUL QADAR tidak dapat diraih, kerana Lailatul Qadar cuma mendekat dengan amal takwa sahaja. Oleh itu, sangat mustahak bagi kita semua, mula-mula meluruskan niat kemudian mengikutinya dengan segala amal kebajikan tanpa menyapaknya walau sedikit dengan amalan sia-sia iaitu khusus di semua MALAM Ramadhan, maka insya Allah, LAILATUL QADAR akan hadir ke pangkuan kita.

ADI RUMI,
Rumah Hidayat,
Brunei Darussalam,
2 Ramadhan 1446
3 Mac 2025.

misinya untuk menyokong dan mengangkat masyarakat.

Syarikat berkomitmen untuk mendorong perubahan positif dan berharap dapat terlibat dalam lebih banyak program yang memberi impak pada masa hadapan.

Turut hadir pada acara tersebut ialah pegawai-pegawai yang mewakili JAPEM, bagi

menyaksikan acara yang bertujuan untuk menyebarkan kegembiraan dan sokongan kepada anak-anak yatim.

Satu sorotan khas acara adalah penyertaan aktif kakitangan NBT, yang dengan murah hati membuat sumbangan peribadi, sekali lagi memperkuatkan impak inisiatif amal berkenaan.

KETAHUI TANDA, RISIKO KANSER KOLOREKTAL

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto dan Infografik : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ihsan
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Mac. - Kanser kolorektal merupakan salah satu kanser yang paling kerap didiagnosis di peringkat global termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Mengikut data yang diperoleh daripada Daftar Kanser Brunei Darussalam, kanser kolorektal merupakan kanser paling lazim didiagnosis dalam kalangan lelaki dan kedua tertinggi dalam kalangan wanita pada tahun 2023.

Menurut Pegawai Perubatan di Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Brunei (Brunei Centre for Disease Control and Prevention), Dr. Dayang Siti Zuhri binti Haji Kahan kesedaran mengenai kanser kolorektal adalah penting kerana kanser kolorektal boleh dicegah melalui gaya cara hidup yang sihat dan pengesanan awal melalui saringan.

Kanser Kolorektal jelasnya, ialah kanser yang berlaku di usus besar (kolon) atau rektum, bermula apabila sel-sel di bahagian ini tumbuh secara tidak terkawal yang membawa kepada ketumbuhan. Ketumbuhan ini jelasnya lagi boleh

menjadi kanser jika tidak dirawat dan apabila menjadi kanser, ia boleh merebak ke bahagian yang lain di tubuh badan.

Dr. Dayang Siti Zuhri juga menerangkan pengertian kolon (usus besar) iaitu organ yang menyerap air dan nutrien daripada makanan yang telah dicerna sebelum sisa makanan dihantar ke rektum iaitu bahagian akhir usus besar yang menyimpan najis sebelum dibuang dari badan melalui dubur.

Menurut Dr. Dayang Siti Zuhri antara tanda-tanda kanser kolorektal yang sering dilaporkan adalah seperti rasa tidak selesa di kawasan perut seperti kembung, kejang atau terasa tajam; benjolan atau bengkak di kawasan perut atau perubahan pada warna najis seperti najis boleh menjadi hitam ataupun berdarah.

Ujarnya lagi, tanda-tanda juga termasuklah lehan atau lendir yang luar biasa dari dubur dan perubahan tabiat membuang air besar - ada yang mengalami sembelit atau cirit-birit berpanjangan atau ada yang berasa seperti najis tidak habis dikeluarkan, walaupun sudah ke

tanda.

"Selain itu, tanda-tanda kanser kolorektal juga termasuk susut berat badan tanpa sebab (bukan kerana perubahan diet atau bersenam); berasa letih atau lesu tanpa sebab ini kerana kanser boleh menyebabkan tubuh kehilangan tenaga dengan cepat; hilang selera makan tanpa sebab; kurang darah merah (*anaemia*) dan jika awda selalu berasa pening atau lemah, ini boleh berkemungkinan disebabkan oleh kekurangan darah merah melalui usus tanpa awda sedari; dan sakit punggung, yang mana pada peringkat lanjut, sesetengah pesakit mengalami kesakitan di bahagian punggung atau belakang," tambahnya.

Bagi sesiapa yang mengalami tanda-tanda berkenaan adalah dinasihatkan berjumpa dengan doktor di pusat kesihatan yang berdekatan untuk pemeriksaan lanjut.

Dr. Dayang Siti Zuhri seterusnya menerangkan beberapa faktor yang boleh meningkatkan risiko seseorang menghidap penyakit ini termasuk peningkatan umur yang mana risiko lebih tinggi bagi mereka yang berumur 50 tahun ke atas; jantina - lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi daripada wanita; berat badan

berlebihan atau obesiti (individu yang mempunyai berat badan berlebihan lebih berisiko kerana pengumpulan lemak boleh menyebabkan perubahan dalam sel usus besar).

Mempunyai sejarah keluarga yang mana terdapat ahli keluarga terdekat pernah menghidap kanser kolorektal juga merupakan antara faktor yang boleh meningkatkan risiko selain menghidap penyakit radang usus (Inflammatory Bowel Disease - IBD) - penyakit seperti Ulcerative Colitis atau Crohn's Disease boleh menyebabkan keradangan berterusan pada usus di mana dinding usus mengalami iritasi dan bengkak.

Faktor yang meningkatkan risiko menghidap kanser kolorektal juga termasuk mereka yang pernah menghidap polip atau kanser kolorektal iaitu jika seseorang pernah mempunyai polip di usus besar. Polip ialah ketumbuhan kecil yang tumbuh di dinding usus. Sebilangan besar polip adalah tidak berbahaya dan tidak menyebabkan sebarang gejala tetapi polip boleh berkembang menjadi kanser jika tidak dikesan dan dirawat awal.

Tabiat merokok juga boleh meningkatkan risiko menghidap kanser kolorektal di samping dikaitkan dengan kanser paru-paru selain pengambilan alkohol



PEGAWAI Perubatan di Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Brunei (Brunei Centre for Disease Control and Prevention), Dr. Dayang Siti Zuhri binti Haji Kahan.

secara berlebihan yang boleh menyebabkan perubahan dalam sel usus yang meningkatkan risiko kanser.

Diet rendah serat dan tinggi lemak iaitu memakan terlalu banyak daging merah, makanan diproses dan makanan berlemak, tetapi kurang buah-buahan, sayur-sayuran dan serat, boleh menyumbang kepada risiko yang lebih tinggi.

"Faktor-faktor risiko ini hanya meningkatkan risiko tetapi ia tidak bermaksud seseorang akan mendapat kanser. Apa yang kami ingin sarankan ialah jika awda mempunyai tanda-tanda atau risiko kanser dan berasa risau tentang kesihatan awda, dapatkan nasihat doktor untuk pemeriksaan lanjut dengan segera," terang Dr. Dayang Siti Zuhri.

Amalan gaya hidup sihat, elak kanser kolorektal

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Mac. - Bulan Kesedaran Kanser Kolorektal disambut setiap bulan Mac di seluruh dunia dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kanser kolorektal termasuk faktor risikonya serta kepentingan menjalani ujian saringan.

Dalam membantu mencegah dan mengurangkan risiko kanser kolorektal, Pegawai Perubatan di Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Brunei (Brunei Centre for Disease Control and Prevention), Dr. Dayang Siti Zuhri binti Haji Kahan menjelaskan seseorang individu hendaklah mengamalkan gaya hidup sihat iaitu dengan tidak merokok; perbanyakkan memakan buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan berserat tinggi.

Katanya lagi mengurangkan pengambilan makanan yang berlemak, makanan yang diproses dan juga daging merah; meningkatkan aktiviti fizikal untuk mengekalkan berat badan yang

sihat dan mengelakkan minuman beralkohol serta menjalankan ujian saringan untuk mengesan awal kanser kolorektal juga boleh membantu mencegah dan mengurangkan risiko penyakit berkenaan.

"Kanser kolorektal bolehlah dielakkan dengan mengamalkan pemakanan yang baik, gaya hidup sihat dan menjalankan saringan kesihatan secara berkala," ujarnya.

Dalam hubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyertai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan dengan tujuan untuk mencegah serta mengesan awal kanser sebelum individu berkenaan menunjukkan sebarang tanda atau gejala penyakit.

Kanser yang dikesan pada peringkat awal akan mempunyai peluang lebih tinggi untuk mendapat rawatan yang berkesan serta mengelakkan atau mengurangkan komplikasi


penyakit dan risiko kematian. Untuk mendapatkan maklumat terkini, awda boleh mengikuti akaun Instagram @mohbrunei atau @bruhealth.app.

Awda juga boleh mengunjungi laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn dan mengakses Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan untuk maklumat lanjut mengenai saringan. Bagi pertanyaan lanjut, orang ramai juga boleh mengem-mel di health.screening@moh.gov.bn.



BULAN Kesedaran Kanser Kolorektal disambut setiap bulan Mac di seluruh dunia dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kanser kolorektal termasuk faktor risikonya serta kepentingan menjalani ujian saringan.

3 kanser teratas di kalangan lelaki di Negara Brunei Darussalam dari tahun 2019 hingga 2023



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana.' Tarikh Tutup : 19 Mac 2025
2. 'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa.' Tarikh Tutup : 26 Mac 2025
3. 'Cabaran Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.' Tarikh Tutup : 2 April 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



‘The Dara’ tudung Muslimah anak tempatan dapat sambutan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan The Dara

TUDUNG merupakan salah satu bahagian penting dalam busana yang tidak hanya berfungsi untuk menutup aurat, tetapi juga menjadi salah satu simbol identiti budaya dan agama dan seiring dengan perkembangan zaman, tudung kini semakin berkembang dengan berbagai trend, rekaan, bahan dan cara pemakaiannya.

Perniagaan tudung di Negara Brunei Darussalam juga mengalami perkembangan yang pesat dalam beberapa tahun terakhir. Industri fesyen Muslimah semakin mendapat perhatian, dengan banyak usahawan tempatan yang berani mengembangkan jenama dan produk tudung mereka sendiri.

Keupayaan golongan wanita hari ini juga sememangnya tidak boleh dinafikan lagi terutama penglibatan mereka dalam dunia keusahawanan, bermula daripada hobi untuk mengisi masa lapang kini bertukar menjadi salah satu bidang perniagaan utama yang diceburi oleh belia wanita tempatan negara ini.

Dayang Siti Nur Durratul Haafizhah binti Haji Rosli, berusia 25 tahun ini selaku pengasas kepada jenama tudung The Dara Official menjelaskan perkataan 'Dara' itu menurutnya datang daripada cantuman nama beliau dan ibunya yang membawa maksud kebijaksanaan, bintang dan cantik.

Dayang Siti Nur Durratul Haafizhah mula berkecimpung dalam bidang perniagaan sejak usia 15 tahun lagi bermula dengan menjual pelbagai jenis *handsocks* Muslimah secara kecil-kecilan, dan disebabkan minat dalam berniaga inilah beliau sentiasa berusaha untuk hidup berdikari dengan pendapatan sendiri.

Menceritakan pengalaman sebagai alumni graduan Universiti Islam Sultan

Sharif Ali (UNISSA) ketika memasuki Tahun 2 di universiti berkenaan, beliau mengambil bidang Graphic Design sebagai aktiviti kokurikulum dan dari sana beliau belajar untuk mendesign atau mereka dan menghasilkan sejadah berserta beg telekung hasil rekaan tersendiri, sehingga tercetuslah idea untuk mengaplikasikan rekaan berkenaan kepada menghasilkan tudung-tudung keluaran beliau sekarang.

"Perniagaan ini bermula daripada hobi dan keinginan untuk menjana pendapatan sendiri ketika masih belajar akan tetapi setelah menyaksikan ciptaan saya dihargai, disukai dan dipakai oleh orang lain memberikan rasa pencapaian yang mendalam dan menyemarakkan lagi keinginan saya untuk terus mencipta rekaan yang baru. Alhamdulillah, dari hari pertama hingga sekarang jenama The Dara telah mendapat sambutan yang banyak daripada orang ramai bukan sahaja dalam kalangan orang-orang muda malah daripada semua peringkat umur," terangnya.

Dengan *tagline* yang selalu digunakan, iaitu 'tudung satin tapi *good girl*', The Dara memfokuskan kepada material *satin silk* kerana jenis materialnya yang berkualiti tinggi dan nampak elegan ketika dipakai. Justeru pada kebiasaan jika didengar perkataan *satin silk* kita akan terus berfikir material itu sejenis yang licin, akan tetapi ianya berbeza dengan tudung The Dara yang memiliki material yang licin di luar namun kasar di bahagian dalam yang membuatnya mudah dibentuk dan tidak mudah jatuh.

Selain daripada kualiti material yang tinggi, kebanyakan pelanggan mereka juga suka tentang aspek tudung-tudung rekaan The Dara yang direka oleh anak tempatan yang menepati cita rasa orang *kitani*. Rekaan The Dara mengambil masa antara lima ke tujuh hari, bermula daripada

satu inspirasi yang dipindah ke kanvas lukisan untuk membuat rekaan yang diinginkan kepada memilih warna yang sesuai untuk menyempurnakannya dengan begitu indah.

The Dara kini telah menghasilkan pelbagai jenis tudung seperti tudung bawal, *shawl* dari bermacam-macam material dan juga tudung *lace*. Antara yang menjadi tumpuan ialah koleksi Signature daripada The Dara, yang mana rekaan pertama yang diinspirasikan adalah daripada minat pengasas sendiri kepada tulisan Jawi Khat Kufi yang telah dikeluarkan oleh The Dara pada dua tahun lalu namun masih laris terjual dan menjadi antara yang diminati oleh para pelanggan mereka hingga sekarang.

Di samping itu, The Dara juga akan menerbitkan rekaan-rekaan terbaharu mereka sekali dalam sebulan, agar jenama The Dara selalu berada diingatan para pelanggan dalam memilih tudung untuk dipakai setiap hari.

Menurutnya lagi, setakat ini platform perniagaan yang digunakan sekarang ialah melalui Instagram dan Facebook, selain sering mengikuti ekspo-ekspo tempatan dari masa ke semasa seperti Consumer Fair, Brunei MSME Festival dan sebagainya, dan semua proses daripada mereka bentuk sehingga *photo shoot / videoshoot* dibuat sendiri dan dibantu oleh ahli keluarga.

Jelasnya lagi, antara cabaran yang pernah dihadapi apabila stok tudung tidak datang pada waktu yang tepat, perkara ini terjadi pada tahun pertama mengikuti ekspo Hari Raya dan stok tudung hanya datang tiga hari sebelum Hari Raya Aidilfitri dan ekspo tersebut hanya tinggal dua hari sahaja lagi.

Namun ujarnya, atas sokongan keluarga, percaya dan reda dengan ketentuan Allah, hampir semua tudung-tudung tersebut berjaya dijual

dalam tempoh dua hari tersebut dan ini menjadi pencapaian pertama iaitu menjual hampir 300 helai tudung dalam tempoh masa dua hari.

"Saya selalu tanamkan dalam diri saya satu perkara iaitu rezeki Allah itu tidak akan salah alamat dan yang penting ialah yakin kepada-Nya, teruskan berusaha dan selalu berikan yang terbaik," ujarnya.

Menyentuh mengenai proses pengilangan dan bahan produksi, Pengasas The Dara menjelaskan di mana buat masa sekarang bahan produksi dan pembungkusan dibuat dari negara Malaysia, akan tetapi beliau berhasrat untuk membuka syarikat pengeluarannya sendiri di masa akan datang.

Beliau juga mengongsikan proses penghantaran untuk sampai ke negara ini adalah dalam masa satu ke dua minggu, dan berkenaan dengan pengilangan di negara luar pula katanya, semestinya ia antara salah satu cabaran di dalam perniagaan, justeru sebelum membuat sebarang keputusan mahupun perjanjian beliau akan terlebih dahulu membuat *research* dengan memilih tempat produksi, termasuklah daripada jenis-jenis material yang ditawarkan, jenis produksi kilang mereka dan lain-lain lagi sehingga beliau merasa yakin dan berpuas hati sebelum beralih kepada langkah seterusnya.

Sebelum mengakhiri wawancara, beliau dengan tulus melahirkan rasa penghargaan kepada keluarga yang selama ini menjadi tulang belakang dalam perniagaannya bermula dari hari pertama hinggalah ke hari ini.

"Saya akan sentiasa meminta maklum balas daripada keluarga saya dalam setiap idea, keputusan dan rekaan-rekaan yang saya buat serta hasilkan, selain mereka juga sedia untuk membantu apabila saya mengikuti ekspo-ekspo tempatan," ujarnya.



JUZWAB : Ke arah perkhidmatan yang lebih efisien

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail dengan kerjasama Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal
Foto : Jabatan Penerangan

ZAKAT Perniagaan adalah antara Zakat Harta yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam yang memiliki harta yang tertentu mengikut syarat-syarat yang tertentu. Jenis perniagaan yang boleh dikenakan zakat ialah mana-mana usaha yang berbentuk dagang atau niaga, sama ada ia secara kecil-kecilan atau besar-besaran, dan sama ada dalam bentuk syarikat atau individu, adalah ia dinamakan perniagaan yang wajib dizakat bermula daripada ia dinamakan perniagaan. Ini termasuklah perniagaan barang-barang runcit, barangan, import, eksport, perkhidmatan, kedai makan, perhotelan, pembuatan, pembinaan dan lain-lain.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) adalah badan yang berkuasa dan bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus kutipan dan agihan zakat. Kuasa dan tanggungjawab tersebut adalah berdasarkan peruntukan undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984 iaitu bab-bab 114 hingga 121 dan juga Peraturan Zakat dan Fitrah 1969.

"Dengan tertubuhnya jabatan ini, hal ehwal pengurusan zakat dari sudut pengagihan dan keberkesanan, termasuk pelaksanaan program-program lain, dijangka akan lebih efektif dan efisien. Begitu juga dalam perkara-perkara pengurusan wakaf dan harta-harta Baitulmal akan menumpukan usaha ke arah mempelbagaikan pengurusan dan penggunaan wakaf di samping mengurus dan mengembangkan harta-harta Baitulmal".

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Tahun Baharu Hijrah 1445.

Dengan penaiktarafan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ) menjadi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) pada Rabu, 1 Muharam 1445 bersamaan 19 Julai 2023 yang lalu, semua pengendalian proses kutipan dan pengagihan zakat di negara ini adalah menjadi tanggungjawab jabatan ini. Antara matlamat JUZWAB ialah untuk memastikan pengurusan wang zakat, termasuk kutipan

dan pengagihannya dilaksanakan secara teratur dan efisien.

S : Apakah kelebihan JUZWAB setelah dinaik taraf?

J : Alhamdulillah, JUZWAB mula beroperasi pada Rabu, 1 Muharam 1445H bersamaan 19 Julai 2023M yang lalu. Antara inisiatif utama JUZWAB adalah pengukuhan sumber tenaga manusia, meningkatkan tadbir urus zakat, mengemas kini proses kerja dan memperkasa bimbingan dan tarbiyah zakat serta wakaf.

Melalui inisiatif-inisiatif ini, JUZWAB telah pun menyaksikan peningkatan dari segi jumlah lantikan amil-amil termasuklah amil-amil *online* iaitu TAIB, BIBD, DST, Imagine dan Progresif. Dengan adanya lantikan serta inisiatif pembayaran zakat melalui kaedah dalam talian (*online*) ini, hasil kutipan zakat telah pun meningkat dari tahun 2023 sebanyak BND18,921,282.93 hingga 2024 sebanyak BND21,096,418.38 iaitu peningkatan sebanyak 11.5 peratus.

S : Apakah JUZWAB dapat memastikan penerima yang berhak dan tidak berhak?

J : Dalam memastikan agihan zakat yang sistematik dan efisien serta memastikan hanya penerima yang berhak menerima agihan wang zakat, JUZWAB telah pun mengemas kini beberapa inisiatif seperti :

- Penapisan dokumen di peringkat awal.
- Pengiraan secara auto dalam perisian Excel Kos Minima Keperluan Asasi (KMKA).
- Penubuhan Mesyuarat Taskforce permohonan menyambung di peringkat jabatan.

Inisiatif-inisiatif ini telah pun memperkemas proses yang sedia ada sebelum permohonan-permohonan ini diteliti ke peringkat yang seterusnya iaitu Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat. Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat seterusnya akan membuat keputusan mengikut kategori skim agihan yang akan diterima oleh pemohon.

Beberapa skim agihan zakat bagi asnaf fakir dan asnaf miskin yang disediakan oleh JUZWAB dalam mentadbir urus zakat iaitu :

- Permohonan Baharu
 - Agihan Kewangan Asasi dan Persekolahan.
 - Agihan Kewangan Asasi, Persekolahan dan Rumah.
- Permohonan Menyambung
 - Agihan Kewangan Asasi dan Persekolahan.
 - Agihan Kewangan Asasi, Persekolahan

dan Rumah.

- Lain-lain Agihan
 - Agihan Institusi Pengajian Tinggi.
 - Agihan Tahunan Hari Raya.
 - Agihan Awal Tahun Persekolahan.
 - Agihan Pendidikan (Yuran Pengajian).
 - Agihan Modal Berusaha.
 - Agihan Serta-Merta (Kebakaran dan Bencana).

h. Agihan Perumahan (Pembinaan Rumah / Membaiki Rumah).

Di samping skim agihan yang tersebut di atas, beberapa lagi skim agihan bagi asnaf muafak, amil, Al-Gharimin dan ibnu sabil juga disediakan.

S : Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) termasuk dalam tanggungjawab JUZWAB. Bagaimana pemilihan peserta PROPAZ ini agar tidak ada ketirisan dalam pemilihannya?

J : PROPAZ meneroka jalan secara profesional untuk memudahkan asnaf zakat khususnya asnaf fakir miskin memperoleh ilmu kemahiran menerusi program-program berdaya tahan dan komprehensif, sekali gus menjadikan mereka terlatih dan mahir dalam bidang yang dipilih dan dihasratkan berupaya membuka peluang pekerjaan dan perniagaan. Selain aspek pengupayaan melahirkan asnaf fakir miskin berkemahiran teknikal dan vokasional, PROPAZ juga membekalkan program-program pengayaan yang meliputi ilmu kerohanian dan pembangunan jati diri untuk mentransform set minda asnaf supaya berdikari atau sekurang-kurangnya mewujudkan kesedaran positif akan kewajipan menyara diri dan keluarga dengan menjana sumber pendapatan.

PROPAZ menasaskan pemohon yang mengikut program-program pengupayaan ini dipersyaratkan terdiri daripada penerima agihan zakat yang berdaftar di Jabatan Majlis Ugama Islam (kini JUZWAB bermula Julai 2023) yang berkelayakan, sama ada penerima zakat itu sendiri, atau tanggungannya daripada isterinya atau anak-anaknya. Dalam pada itu, pemohon program juga diutamakan terdiri daripada mereka yang berminat dan bersungguh-sungguh.

Proses pemilihan peserta bermula daripada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat, Majlis Ugama Islam yang menyokong supaya pemohon agihan zakat atau isterinya atau

anak-anaknya yang berkelayakan untuk ditawarkan memasuki program-program PROPAZ. Seterusnya pelaksana akan menghubungi penama yang disokong untuk mengisi borang kemasukan dan seterusnya temu duga dan pemprofilan dijalankan.

S : Bolehkah dikongsikan keramaian penerima asnaf muafak bagi menunaikan Fardu Haji?

J : Pengurniaan tambang haji kepada golongan asnaf di NBD merupakan satu inisiatif yang sangat bermakna dalam usaha membantu golongan kurang berkemampuan menunaikan ibadah haji. Program ini menunjukkan komitmen kerajaan NBD melalui JUZWAB, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memperkasakan kebajikan masyarakat, terutama golongan yang memerlukan, melalui pendekatan spiritual yang amat penting dalam Islam.

Kos yang tinggi untuk menunaikan ibadah haji menjadi halangan bagi sesetengah orang, terutama golongan asnaf. Dengan pengurniaan tambang haji ini, kerajaan NBD memberi peluang kepada golongan asnaf seperti golongan muafak untuk menyempurnakan ibadah ini.

MUIB akan mengenal pasti golongan asnaf yang benar-benar layak untuk menerima bantuan tambang haji. Pemilihan ini dilakukan melalui proses penilaian teliti, di mana hanya mereka yang memenuhi kriteria asnaf yang akan dipilih. Ini termasuk golongan fakir miskin, yang kekurangan sumber kewangan untuk membiayai perjalanan haji mereka.

Seramai 20 orang setiap tahun akan dipilih untuk menerima bantuan tambang haji tertakluk ketetapan dan keputusan Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat.

Kesimpulan

Dalam hubungan ini, umat Islam di negara ini adalah diseru untuk menunaikan kewajipan untuk menunaikan Zakat Harta dan Zakat Perniagaan masing-masing apabila telah sampai nisab dan haulnya. Selain sebagai memenuhi tanggungjawab menyelesaikan kewajipan, ia juga sebagai suatu tanggungjawab sosial dalam sama-sama membantu golongan yang memerlukan khususnya asnaf zakat fakir dan miskin di negara ini. Selain itu, peluang yang diberi untuk mengubah nasib perlu digunakan dengan sebaiknya dan mensyukuri rezeki yang ada.

FOOD DRIVE RAMADAN : BERKONGSI REZEKI BERSAMA

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung, Kampung Panaga 'A'

PANAGA, Sabtu, 15 Mac. - Program Food Drive Ramadan 2025 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Program berkenaan bermula dengan sesi perjumpaan dan perbincangan bersama Penasihat, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Timbalan Setiausaha, Biro Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Panaga, Ahli-ahli MPK Kampung Panaga 'A' serta para penyumbang bagi membincangkan pelaksanaan program berkenaan.

Program berkenaan dirancang oleh Ketua Kampung Panaga 'A', Awang Muhd. Nurzairie bin Abdullah Peter, dengan tujuan untuk menyumbang makanan

dan minuman kepada penduduk kampung yang melalui kawasan berkenaan.

Selain itu, ia juga berlandaskan hasrat dan niat murni ahli keluarga serta penduduk kampung yang ingin menyertai dan menyumbang dalam program kebajikan berkenaan.

Pelaksanaan program termasuk proses penyediaan dan pembungkusan makanan yang dilakukan di rumah Ketua Kampung Panaga 'A' dengan bantuan Ahli MPK serta penduduk kampung yang turut serta menyumbang.

Manakala lokasi agihan bertempat di berhadapan Tangki Air, Kawasan Parak, Jalan Lipak,

Kampung Panaga. Pengagihan berkenaan berlangsung pada 14 Mac 2025 dari jam 4.30 petang hingga 6.00 petang.

Pada peringkat awal, perancangan dibuat untuk menyediakan sebanyak 150 pek makanan dan minuman. Namun, berkat kemurahan hati para penyumbang yang turut serta menyumbangkan makanan dan minuman, jumlah yang berjaya dikumpulkan dan diedarkan meningkat kepada lebih 300 pek.

Kejayaan program berkenaan jelas mencerminkan semangat kebersamaan, kasih sayang dan keprihatinan masyarakat Kampung Panaga dalam membantu sesama penduduk.

MPK Kampung Panaga 'A' ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih

kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, termasuk Jabatan Daerah Belait atas sokongan dan kerjasama yang diberikan, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, Balai Polis Kampung Panaga, atas pemantauan keselamatan sepanjang program berlangsung, pihak media yang membantu dalam penyebaran maklumat mengenai program berkenaan dan penduduk kampung, penyumbang, dan sukarelawan yang telah memberikan sumbangan dalam

bentuk makanan, minuman, tenaga, serta masa mereka.

Program berkenaan bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima, tetapi juga berperanan dalam mendidik golongan belia tentang kepentingan menyumbang dan membantu mereka yang memerlukan.

Diharapkan program sebegini dapat diteruskan lagi di masa hadapan dengan lebih banyak penyertaan daripada masyarakat.



SESI bergambar ramai pada Program Food Drive Ramadan 2025.

Operasi Panyap JIPK menguatkuasakan Akta, Peraturan Imigresen

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Satu operasi penguatkuasa undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) di bawah Operasi Panyap telah pun dilaksanakan yang menyasarkan gedung perniagaan di Mukim Gadong 'A'.

Adapun tujuan operasi berkenaan diadakan adalah bagi menguatkuasakan Akta dan Peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah

JIPK termasuk Akta Anti Permerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229.

Operasi Panyap 26/2025 menyasarkan Gedung perniagaan di Mukim Gadong 'A'.

Pada operasi berkenaan, seorang warganegara asing telah pun diperiksa yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang setelah dipercayai melakukan

kesalahan Peraturan 16(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja tanpa kebenaran menggunakan Pas Tanggungan.

JIPK turut mengongsikan satu sesi pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 sepertimana berikut.

Taufik Andriansyah, seorang lelaki warganegara Indonesia, berumur 28 tahun telah pun dijatuhkan hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah atas kesalahan di bawah Bab 15(1), iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman mula berkuat kuasa pada 6 Mac 2025.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

OPERASI Panyap 26/2025 menyasarkan Gedung perniagaan di Mukim Gadong 'A'.





NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM



Awas! Jalan Licin Dihadapan



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



www.mkkjr.gov.bn



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM



Jangan Menggunakan Telefon Bimbit Semasa Memandu



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



www.mkkjr.gov.bn

PANAMA ALAMI GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK AKIBAT LETUPAN DI STESEN JANAKUASA



MOSCOW, 16 Mac. - Panama mengalami gangguan bekalan elektrik disebabkan letupan sebuah transformer di loji

janakuasa terma, kata Pihak Berkuasa Perkhidmatan Awam Kebangsaan (ASEP) pada Ahad, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Pentadbir ASEP Zelmar Crespo memaklumkan mengenai letupan sebuah transformer di loji janakuasa termapada 15 Mac,

yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik di seluruh negara," menurut kenyataan ASEP di platform X.

Presiden Panama Jose Raul Mulino mengesahkan kejadian gangguan bekalan elektrik itu.

"ASEP telah memaklumkan saya mengenai gangguan

bekalan elektrik di seluruh negara," katanya di platform X.

ASEP turut menyatakan bahawa bekalan elektrik sedang dipulihkan secara berperingkat. - ©BERNAMA

Pasukan pertahanan awam Palestin keluarkan 61 mayat di pekarangan Hospital Shifa, Gaza

BANDARAYA GAZA, 16 Mac. - Pasukan Pertahanan Awam Palestin pada Sabtu meneruskan usaha untuk mengeluarkan 61 mayat rakyat Palestin yang dikebumikan di pekarangan Hospital Shifa di Gaza semasa konflik berbulan-bulan dengan Israel.

Kementerian Kesihatan Gaza berkata proses penggalian bermula pada 13 Mac 2025 dengan pasukan berusaha mengeluarkan mayat untuk dikebumikan dengan sewajarnya.

Pada hari pertama, anggota Pertahanan Awam mengeluarkan 48 mayat, termasuk 10 yang tidak dapat dikenal pasti. Pada hari kedua, mereka menemukan 13 lagi mayat, dengan tiga daripadanya masih belum dikenal pasti. Mayat yang telah dikenal pasti diserahkan kepada keluarga masing-masing,

manakala yang lain dihantar ke pihak forensik.

Pihak berkuasa menganggarkan sekitar 160 mayat dikebumikan di pekarangan hospital itu sepanjang konflik, dengan beberapa hari lagi diperlukan bagi menyelesaikan proses pengeluaran mayat.

Hospital Shifa, yang sebelum ini merupakan kemudahan perubatan terbesar di Gaza, memberikan perkhidmatan kepada 460,000 orang setiap tahun, termasuk rawatan kecemasan, pembedahan, rawatan dialisis dan penjagaan kesihatan ibu.

Sepanjang konflik, tentera Israel berulang kali menyerbu dan memusnahkan Hospital Shifa. Serangan besar pertama berlaku pada 16 Nov 2023 dan berlanjutan selama 10 hari.

Serangan kedua pada 18 Mac

2024 berterusan sehingga 1 April, di mana tentera Israel memusnahkan sebahagian hospital, membakar bangunan serta melakukan pembunuhan di dalam dan sekitar kemudahan itu, menjadikannya tidak lagi berfungsi sepenuhnya.

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Gaza, Munir Al-Barsh memberitahu Anadolu pada Januari 2025 bahawa lebih 95 peratus bangunan dan peralatan hospital itu musnah semasa serangan genosid Israel.

Perjanjian gencatan senjata dan pertukaran tahanan telah berkuat kuasa sejak 19 Jan, menghentikan sementara serangan Israel yang membunuh lebih 48,500 rakyat Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, serta menyebabkan Gaza habis musnah. - ©BERNAMA

Lima maut, 27 cedera kren runtuh di lebuh raya di Bangkok

BANGKOK, 15 Mac. - Seramai lima orang disahkan maut manakala sekurang-kurangnya 27 lagi cedera selepas kren pembinaan bagi projek lebuh raya runtuh di daerah Chom Thong, Bangkok awal pagi Sabtu.

Pasukan bomba dan penyelamat bersama anggota Jabatan Pencegahan dan Mitigasi Bencana Pentadbiran Metropolitan Bangkok serta Yayasan Poh Teck Tung segera dikerahkan ke lokasi kejadian untuk menyelamatkan

mangsa, termasuk beberapa orang yang terperangkap di atas kren.

Menurut pihak berkuasa Thailand, insiden berlaku berhampiran pintu masuk Lebuhraya Ekspres Dao Khanong, menyebabkan rasuk konkrit yang sedang dalam pembinaan jatuh dan menghempap sebahagian struktur lebuh raya serta beberapa pekerja.

"Sekurang-kurangnya lima lelaki maut dalam kejadian yang berlaku sekitar 1.40 pagi (waktu

tempatan).

Runtuhan itu berlaku kira-kira 200 meter dari pintu masuk lebuh raya apabila rasuk konkrit jatuh ke atas struktur lebuh raya sedia ada," menurut pihak berkuasa pada Sabtu.

Siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian, sementara Pihak Berkuasa Lebuhraya Ekspres Thailand (EXAT) melakukan penilaian terhadap tahap kerosakan. - ©BERNAMA

Kolam air panas Jepun berdepan kekurangan air susulan lonjakan sektor pelancongan

SAGA (Jepun), 15 Mac. - Pusat peranginan kolam air panas di seluruh Jepun berdepan kekurangan air susulan peningkatan ketara pelancong asing yang meningkatkan penggunaan, menyebabkan beberapa 'onsen' terpaksa ditutup akibat bekalan yang tidak mencukupi, menurut pihak berkuasa tempatan pada Sabtu.

Beberapa pihak berkuasa perbandaran telah mengehadkan kerja penggerudian baharu dan menggesa usaha penjimatan air, namun belum ada penyelesaian jangka panjang ketika lonjakan pelancongan yang menyokong ekonomi negara itu masih berterusan, lapor Kyodo News.

"Paras air semakin menurun, tetapi kolam air panas masih beroperasi," kata Datuk Bandar Ureshino, Daisuke Murakami, dalam sidang media tergepang akhir Januari.

Beliau menambah bahawa pegawai bandar mengambil situasi

ini dengan serius selepas purata paras air di sumber kolam air panas pusat peranginan Ureshino, antara destinasi pelancongan utama di Wilayah Saga, mencatat paras terendah dalam sejarah iaitu 40.8 meter tahun lepas.

Pihak berkuasa wilayah itu mengaitkan kemerosotan itu dengan peningkatan permintaan susulan perkhidmatan kereta api laju Shinkansen ke kawasan berkenaan, yang membawa lebih ramai pengunjung.

Mereka menggesa pengusaha 'onsen' mengehadkan kadar pengambilan air harian serta beberapa hotel mengawal penggunaan tab mandi dalam bilik pada waktu malam bagi membolehkan paras air pulih secara beransur-ansur.

Kolam air panas di beberapa wilayah lain turut menghadapi cabaran serupa, menurut laporan itu.

Kerajaan tempatan telah menetapkan had bagi kerja penggerudian baharu dan

menggalakkan usaha penjimatan air, namun kebimbangan kekal bahawa langkah-langkah ini mungkin tidak mencukupi untuk mengekalkan bekalan air, terutama dengan kemasukan pelancong asing yang berterusan.

Pakar memberi amaran bahawa pengambil air secara berlebihan menjadi punca utama kemerosotan paras air.

Seorang penyelidik kanan di Pusat Penyelidikan Kolam Air Panas Jepun menekankan keperluan pendekatan saintifik dalam pengurusan sumber itu, dengan berkata: "Pemantauan paras air menggunakan data untuk mengurangkan pembaziran adalah amat penting".

Bilangan pelancong asing ke Jepun mencecah lebih 36 juta pada 2024, satu rekod baharu, didorong oleh kejatuhan nilai yen dan penyambungan semula laluan penerbangan selepas pandemik COVID-19, menurut data kerajaan pusat awal tahun ini. - ©BERNAMA

Kebakaran besar berhampiran Lapangan Terbang Aleppo, Syria

DAMSYIK/ISTANBUL, 16 Mac. - Kebakaran besar berlaku pada Sabtu melibatkan kenderaan yang membawa produk petroleum berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Aleppo di utara Syria, sejurus selepas pihak berkuasa mengumumkan ia kembali dibuka, lapor Anadolu Ajansi.

Pertahanan Awam Syria melaporkan di X bahawa pasukannya sedang berusaha mengawal kebakaran yang berlaku di kenderaan pengangkutan bahan api berhampiran sebuah stesen minyak di sepanjang jalan menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Aleppo.

Video yang dimuat naik kumpulan itu menggambarkan kebakaran berkenaan sebagai "besar," namun puncanya masih belum diketahui setakat 2000 GMT.

Pertahanan Awam Syria kemudian mengumumkan di X bahawa pasukan bomba berjaya memadamkan kebakaran melibatkan tiga kenderaan pengangkutan bahan api berhampiran lapangan terbang itu.

Menurut pasukan itu, kebakaran menyebabkan kerosakan besar kepada kenderaan terbabit, namun tiada kecederaan dilaporkan.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Syria sebelum ini mengesahkan Lapangan Terbang Antarabangsa Aleppo akan menyambung semula operasinya pada Selasa, selepas ditutup selama tiga bulan. - ©BERNAMA

Starship bawa robot akan ke Marikh pada akhir 2026 - Musk

MOSCOW, 15 Mac. - Usahawan jutawan Amerika Syarikat Elon Musk, yang memiliki Tesla dan SpaceX, mengumumkan pada Sabtu bahawa kapal angkasa Starship yang membawa robot humanoid Tesla Optimus akan ke Marikh pada akhir 2026, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Starship berlepas ke Marikh pada akhir tahun depan, membawa Optimus. Jika pendaratan itu berjalan lancar, maka pendaratan manusia mungkin bermula seawal 2029, walaupun kemungkinan lebih besar adalah pada 2031," kata Musk menerusi catatan di X.

Pada Disember 2024, Musk mendakwa kapal angkasa Starship tanpa pemandu boleh mendarat di Marikh dalam masa dua tahun, manakala misi Starship dikendalikan manusia mampu ke planet itu dalam tempoh empat tahun akan datang.

Pada September, Musk berkata manusia mesti menguasai penerbangan antara planet, jika tidak, ia boleh hilang pada masa hadapan akibat pengembangan Matahari atau perlanggaran Bumi dengan asteroid. - ©BERNAMA

AS pertimbang larangan perjalanan baharu terhadap lebih 40 negara AS

WASHINGTON, 15 Mac. - Pentadbiran Presiden Amerika Syarikat Donald Trump sedang mempertimbangkan larangan perjalanan baharu terhadap 43 negara, termasuk kemungkinan menghentikan sementara pemprosesan visa dari Afghanistan, Iran dan Syria, lapor Xinhua yang memetik media tempatan pada Jumaat.

Menurut laporan The New York Times, pegawai diplomatik dan keselamatan AS menyenaraikan negara-negara yang berpotensi dikenakan sekatan dengan tiga kategori larangan berbeza.

Di bawah cadangan baharu itu, larangan penuh kemasukan dicadangkan terhadap 11 negara termasuk Afghanistan, Cuba, Iran, Libya, Somalia, Syria, Venezuela dan Yemen.

Sementara itu, rakyat dari Belarus, Eritrea, Haiti, Laos, Myanmar dan Pakistan, antara lain akan dilarang memasuki AS menggunakan visa imigran atau pelancong.

Bagi negara seperti Angola, Benin dan Kemboja, rakyat mereka akan terjejas sekiranya kerajaan mereka gagal memperbaiki amalan yang dianggap AS sebagai bermasalah dalam tempoh 60 hari, menurut laporan berkenaan.

Senarai itu didakwa telah disediakan oleh Jabatan Negara AS beberapa minggu lalu dan masih boleh mengalami perubahan sebelum dikemukakan kepada Rumah Putih, menurut sumber.

Selepas mengambil alih jawatan pada 20 Januari, Trump menandatangani perintah eksekutif yang mengarahkan Jabatan Negara menyenaraikan dalam tempoh 60 hari negara-negara yang sistem saringan dan tapisan keselamatannya dianggap lemah sehingga perlu dikenakan sekatan separa atau penuh terhadap kemasukan warganya ke AS. - ©BERNAMA



BRUNEI DPMM FC GAGAL KEKALKAN REKOD TANPA KALAH



ANTARA aksi pada perlawanan di antara Brunei DPMM FC dengan Hougang United pada saingan Kumpulan 'A' kempen Piala Singapura 2024/2025 yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

SINGAPURA, Sabtu, 15 Mac. – Impian skuad Brunei DPMM FC untuk mengekalkan rekod tiga perlawanan tanpa kalah tidak kesampaian apabila tewas 1 – 5 kepada Hougang United pada saingan Kumpulan 'A' kempen Piala Singapura 2024/2025.

Dalam aksi di Stadium Jalan Besar, Singapura, malam tadi, separuh masa pertama menyaksikan Hougang United kendalian Robert Eziakor terlebih dahulu berada di hadapan menerusi jaringan Daniel

Henrique Parreiras Aleixo pada minit ke-20.

Manakala Shodai Yokoyama kemudiannya memberikan Hougang United kelebihan jaringan apabila bijak menyempurnakan sentuhan gol pada minit ke-38.

Ketinggalan 0 - 2, Brunei DPMM FC menggandakan usaha untuk merapatkan kedudukan namun percubaan jaringan belum menemui penyudahnya sehingga

wasit meniup wisel penamat perlawanan pada separuh masa pertama.

Bersambung pada babak kedua, Brunei DPMM FC bangkit melancarkan serangan demi serangan hingga akhirnya membuahkan hasil apabila pemain penyerangnya, Davis Ikaunieks berhasil menyumbat gol pertama pada minit ke-53, menewaskan penjaga gawang Hougang United, Kenji Rusydi.

Ketika Brunei DPMM FC rancak menyerang, Hougang United sekali lagi menambah jaringan menerusi Shahdan Sulaiman pada minit ke-71, sekali gus memberikan tekanan kepada skuad

kendalian Jamie Mcallister.

Selang beberapa minit kemudian, Dejan Racic tidak menghampakan umpanan rakannya untuk menyempurnakan jaringan mudah pada minit ke-79, menjadikan gol keempat buat Hougang United.

Masa tambahan tidak disia-siakan oleh Hougang United apabila Stjepan Plazonja menggandakan kedudukan untuk menoktahkan kemenangan 5 - 1.

Sementara itu, pada persaingan dalam Kumpulan 'B', Tanjong Pagar United FC berjaya menewaskan Geylang International 1 - 0 pada aksi di Stadium Jurong East.

E-sukan mampu sumbang pingat di Sukan Asia 2026 - Adam Adli

PUTRAJAYA, 16 Mac. - Sukan elektronik (e-sukan) dijangka mampu menyumbang kutipan pingat buat kontinjen Malaysia ke Sukan Asia Aichi-Nagoya 2026, kata Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim.

Adam berkata ia memandangkan skuad e-sukan negara sudah berpengalaman beraksi di temasya berprestij itu selain mempunyai kekuatan dalam beberapa acara sukan berkenaan.

Beliau berkata Malaysia Esports League (MEL), Esports Integrated (ESI) dan Persekutuan Sukan Elektronik Malaysia (MESF) juga telah bekerjasama memulakan persiapan ke Sukan Asia tahun depan bagi menyediakan barisan atlet yang bakal menggalas cabaran.

"Kita tahun ada banyak juga

permainan yang jarang didengar dan dimainkan oleh Malaysia, tapi ada komitmen daripada MESF, dibantu ESI, MEL dan KBS untuk kita bangunkan di peringkat akar umbi yang sekurang-kurangnya boleh cari potensi dan slot dalam Sukan Asia bagi permainan yang belum menjadi kebiasaan kita.

"Kita mahu usaha untuk sertai semaksima mungkin sebab e-sukan antara kekuatan kita...kita ada pengalaman, jadi kita yakin kalau beri tumpuan dan buka peluang tingkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan, kita mampu bawa lebih banyak pingat daripada Sukan Asia," katanya.

Beliau berkata demikian pada PUBG MOBILE Super League (PMSL) SEA Spring 2025 Final yang turut dihadiri Presiden MESF,

Muhammad Naim Al-Amin di sini hari ini.

Pada Februari lepas, Majlis Olimpik Asia (OCA) mengumumkan senarai 11 acara e-sukan yang akan dipertandingkan pada Sukan Asia ke-20 di Aichi-Nagoya.

Pengumuman itu dibuat susulan mesyuarat tergempar dalam talian Lembaga Eksekutif OCA yang sebulat suara meluluskan penyertaan acara berikut bagi Sukan Asia 2026.

Acara itu ialah Competitive Martial Arts (Berpasukan), Pokemon Unite, Honor of Kings, League of Legends, PUBG Mobile (Versi Sukan Asia), Mobile Legends: Bang Bang, Identity V (Versi Sukan Asia), Naraka: Bladepoint, Gran Turismo 7, Efootball Series dan Puyo Puyo Champions.- ©BERNAMA

Muhammad Shah Firdaus raih emas piala negara-negara UCI

KUALA LUMPUR, 16 Mac. - Pelumba berbasikal trek negara Muhammad Shah Firdaus Sahrom mencipta detik kecemerlangan apabila meraih pingat emas acara keirin pada kejohanan Piala Negara-Negara Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) di Konya, Turkiye awal pagi ini.

Pelumba berusia 29 tahun itu mempamerkan kayuhan bertenaga untuk meloloskan diri daripada kepungan empat pelumba lain sebelum memintas pesaingnya beberapa meter sebelum garisan penamat di Velodrom Konya.

Ia adalah emas pertama

dimenangi pelumba yang diberi julukan The Terminator itu pada kejohanan UCI sekali gus menandakan pencapaian terbesar dalam kerjayanya setakat ini.

Pemenang pingat gangsa acara pecut berpasukan Olimpik Tokyo 2020, Sebastien Vigier dari Perancis meraih perak manakala juara keirin di Kejohanan Berbasikal Trek Asia (ATC) 2025 bulan lepas, Shinji Nakano dari Jepun membawa pulang gangsa.

Muhammad Shah Firdaus melangkah ke final selepas menamatkan perlumbaan separuh akhir di tempat ketiga. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DAMPINGI AL-QURAN HIDUP DAMAI SEJAHTERA